



# WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030







ISBN 978-967-5842-18-4



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Website <http://www.mea.gov.my>  
Email [webmaster@mea.gov.my](mailto:webmaster@mea.gov.my)

Tel 603-8000 8000  
Faks 603-8888 3755

Dikeluarkan pada 5 Oktober 2019  
Cetakan semula pada 8 November 2019

#### Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Malaysia.



**ATTIN PRESS SDN BHD**  
اتين فريسنج السندريان برودنج

Dicetak oleh  
Attin Press Sdn Bhd  
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,  
Taman Perindustrian Putra Permai,  
Bandar Putra Permai,  
43300 Seri Kembangan, Selangor

Tel 03-8939 0660  
Fax 03- 8939 9355







# Prakata



Kita telah mengharungi pelbagai cabaran dan mencipta banyak kejayaan sejak mencapai kemerdekaan lebih enam dekad yang lalu. Daripada sebuah Negara yang miskin bekas tanah jajahan, Malaysia telah berubah menjadi sebuah Negara industri yang pesat membangun. Negara pernah pun digelar "Harimau Asia". Pencapaian ekonomi, kestabilan politik dan kesejahteraan hidup rakyat seringkali menjadi kayu ukur bagi Negara-Negara membangun lain.

Dengan memanfaatkan pelbagai sumber yang ada di Negara kita, termasuk bakat, kemahiran dan kepakaran rakyat dalam pelbagai bidang, kita telah berjaya memacu kemajuan ekonomi Negara dan meningkatkan pendapatan rakyat. Dengan kepesatan pembangunan ekonomi lebih enam dekad yang lalu, Malaysia kini telah melonjak kedudukannya untuk berada dalam kategori Negara berpendapatan sederhana tinggi.

Cita-cita kita seterusnya ialah untuk melihat Malaysia menjadi sebuah Negara maju yang berharmoni dan bersatu padu dengan hasil kemakmuran Negara

dikongsi secara adil dan saksama oleh segenap lapisan rakyat tanpa mengira perbezaan kumpulan etnik, kelas dan wilayah. Negara kita tidak boleh selamanya terperangkap dalam kelompok Negara berpendapatan sederhana.

Kini, Malaysia akan mengambil pendekatan yang baharu bagi memantapkan pencapaian ekonomi kita. Inisiatif yang akan kita perkenalkan ini dapat memastikan rakyat dan Negara menikmati Kemakmuran Bersama.

Sepanjang dekad yang lalu, pengurusan ekonomi Negara telah dicorak secara radikal ke arah liberalisasi pra-matang dan ini telah menyebabkan cita-cita menjadi Negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020 tidak tercapai sepenuhnya. Namun menjadi Negara berpendapatan tinggi tidak menjamin pengagihan kemewahan dan peningkatan pendapatan oleh rakyat adil dan saksama.

Realitinya walaupun keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan nilai pendapatan Negara meningkat, namun nikmat kekayaan Negara tidak dapat dirasai secara merata oleh semua lapisan rakyat. Ini kerana peningkatan pendapatan yang agak malar tanpa peningkatan daya keluaran (produktiviti) yang ketara menyebabkan kos barangan dan perkhidmatan menjadi semakin tinggi dan bebanan sara hidup rakyat berpendapatan rendah kian meningkat. Akibatnya, peningkatan pendapatan rakyat tidak meningkatkan kuasa beli mereka.

Model Ekonomi dekad lalu lebih tertumpu kepada penambahan hutang Negara untuk pelaksanaan projek-projek mega. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2018 juga menunjukkan bahawa jumlah pekerja separa mahir dan berkemahiran rendah adalah 72.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja dalam Negara. Pemilikan ekuiti Negara lebih banyak bertukar kepada pemilikan asing. Pertumbuhan ekonomi pula hanya terfokus kepada beberapa bandaraya utama Negara dengan mengenyepikan pertumbuhan dan pemilikan ekuiti serta peluang kepada rakyat di luar bandar.

Keadaan ini menjadi lebih parah apabila nilai integriti menjunam dan gejala rasuah semakin membarah. Akibatnya, penyampaian Kerajaan kepada rakyat menjadi kurang efektif, ketirisan banyak berlaku dalam perbelanjaan awam dan penyalahgunaan kuasa. Golongan B40 yang majoritinya merupakan masyarakat Bumiputera menjadi antara kelompok

rakyat yang amat tertekan dengan budaya ketirisan dan penyalahgunaan kuasa dalam Kerajaan terdahulu. Segala dasar, program dan bantuan Kerajaan yang disasarkan kepada mereka tidak berhasil sepenuhnya kerana berlaku ketirisan akibat budaya rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang ketara.

Kini, dengan pelbagai bentuk pembaikan dan reformasi institusi yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan, saya yakin usaha-usaha untuk membela golongan B40 dan masyarakat Bumiputera seluruhnya akan membuahkan hasil seperti mana yang dihasratkan. Rakyat mengharapkan Kerajaan melaksanakan satu rancangan baharu ekonomi Negara yang akan melonjakkan penciptaan kekayaan Negara dan seterusnya membolehkan rakyat biasa menikmati hasil kekayaan dan kemakmuran Negara yang dicapai secara adil dan saksama.

Masyarakat dunia, pelabur dan pasaran juga meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat Malaysia mengekalkan kestabilan politik, bebas daripada budaya kleptokrasi dan menggarap segala potensi yang ada untuk memacu kemajuan ekonomi dan mencapai kesejahteraan sosial yang mampan dan lestari.

Kita telah mengambil pendekatan baharu dalam pengurusan ekonomi dan sosial Negara iaitu pembangunan dan kemajuan yang dicapai mestilah mampu menghasilkan Kemakmuran Bersama atau *Shared Prosperity*. Dalam konteks ini, semua rakyat akan dapat menikmati peningkatan pendapatan isi rumah dan kuasa beli yang ketara termasuk pengecilan jurang pendapatan dan kekayaan antara kelas, kumpulan etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Kesejahteraan rakyat juga dapat dijamin dengan wujudnya persekitaran hidup yang lebih kondusif dan selamat, melalui alam sekitar yang lestari. Akhirnya, rakyat pelbagai kumpulan etnik dan agama akan menjalani kehidupan yang aman dan harmoni dalam sebuah Negara yang demokratik dan stabil.

Saya yakin dengan pelaksanaan dasar dan strategi yang betul, Malaysia akan maju dan membangun dengan lebih pesat. Ukuran sebenar kemajuan dan pembangunan Negara ialah apabila kekayaan yang dijana dapat diagih dan dinikmati secara adil dan saksama kepada setiap lapisan rakyat.

Rakyat yang bersatu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya adalah asas kepada penyatuan Negara Bangsa. Matlamat Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia.

Saya ingin mengambil peluang ini merakamkan penghargaan dan terima kasih Kerajaan kepada Institut Masa Depan Malaysia (MASA) di atas usaha serta komitmen tinggi mereka di dalam penyediaan dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama.

Saya harap buku ini akan menjadi wadah kepada semua rakyat Malaysia untuk kita bekerjasama menjadikan usaha murni ini satu realiti.



TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Perdana Menteri Malaysia

Putrajaya

5 Oktober 2019

# Kata Aluan



Apakah agenda raksasa yang perlu kita lakukan setelah 2020? Malaysia akan terus mara ke hadapan dengan memberi fokus kepada penyusunan semula keutamaan pembangunan sosioekonomi negara berlandaskan Wawasan Kemakmuran Bersama. Dalam tempoh 10 tahun penekanan akan diberi kepada usaha meningkatkan kuasa beli rakyat dan merapatkan jurang pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Matlamatnya adalah untuk menyuburkan perpaduan dan kestabilan dalam bingkai kepelbagaian bangsa dan budaya.

Membangun sebuah ekonomi yang terus berkembang dengan mampan adalah satu kemestian demi memberi kesejahteraan kepada semua rakyat. Namun pembangunan ini tidak hanya dinilai berdasarkan pertumbuhan KDNK semata-mata, sebaliknya ia turut mengambil kira petunjuk sosial dan pengagihan ekonomi yang lebih inklusif agar semua rakyat dapat menikmatinya.

Pembentukan negara yang mempunyai hala tuju yang jelas dan nyata adalah tunjang kepada masa depan yang cemerlang. Wawasan ini adalah iltizam Kerajaan baharu Malaysia. Untuk memastikan kejayaan, penekanannya bukan sekadar kesaksamaan peluang (*equitability of opportunities*), bahkan kepada prinsip kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*).

Melalui Wawasan ini, rakyat akan menikmati kemakmuran negara secara adil, saksama dan inklusif. Kemakmuran ini hanya akan dicapai melalui usaha yang dilakukan secara berterusan dan bersungguh-sungguh. Peningkatan pertumbuhan ekonomi perlu seiring dengan peningkatan pendapatan isi rumah, kemahiran dan profesional, kadar gaji dan upah, nilai simpanan dan pemilikan kekayaan serta penyertaan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Secara tegasnya, Wawasan ini merupakan kesinambungan Wawasan 2020 dalam rangka rancangan jangka panjang negara. Saya melihat intipati Wawasan ini berupaya memenuhi aspirasi rakyat dan negara untuk mengecapi taraf hidup yang makmur.

Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia membulatkan tekad bersama-sama menghayati dan menjayakan aspirasi yang terkandung dalam Wawasan ini. Kesatuan hati dalam menggembelng tenaga bagi menjayakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 bakal melonjakkan Malaysia sebagai paksi ekonomi serantau.

Harapan negara adalah pada anak muda. Mereka adalah bunga bangsa dan fajar masa hadapan. Aspirasi mereka hari inilah yang akan memekarkan realiti hari esok, maka perlu dibajai dan disuburkan dengan ilmu yang tinggi dan akhlak yang terpuji. Dengan teguhnya jati diri dan gigih menguasai teknologi, tiada harapan yang terlalu tinggi untuk dicapai.

A stylized, black-and-white handwritten signature of Mohamed Azmin Ali, consisting of several bold, sweeping strokes.

MOHAMED AZMIN ALI

Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Putrajaya

5 Oktober 2019

# Pendahuluan

Malaysia memerlukan satu wawasan baharu untuk menentukan hala tuju pembangunan ekonomi negara yang bermatlamatkan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan mampan, pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif untuk semua rakyat dan pembinaan sebuah negara bangsa yang aman, makmur dan bersatu padu.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang menetapkan halatuju dan perancangan strategi ekonomi Malaysia secara komprehensif akan meletakkan semula Malaysia pada landasannya yang betul untuk mencapai matlamat ini. Menerusi wawasan ini, bidang-bidang ekonomi baharu akan dikenalpasti dan dibangunkan dengan tujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi secara berterusan, menyediakan peluang-peluang ekonomi dan pekerjaan yang bakal menjana pendapatan tinggi untuk rakyat, merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum, wilayah dan rantaian bekalan dan akhirnya menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang nikmat kemakmurannya dikongsi bersama oleh rakyat.

Wawasan ini yang merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, tiga dekad yang lalu akan melonjakkan pencapaian ekonomi negara, meningkatkan taraf hidup rakyat dan memperkukuhkan perpaduan.

Prasyarat utama kejayaan wawasan ini ialah kewujudan ekosistem ekonomi, politik dan sosial yang menyokong pertumbuhan ekonomi yang rancak dan mampan. Ini termasuk pelaksanaan dasar dan inisiatif yang menggalakkan pelaburan dan perdagangan dalam bidang-bidang pertumbuhan ekonomi yang akan menjana pendapatan rakyat dan hasil negara yang lebih tinggi, amalan tadbir urus kerajaan yang baik dengan berpandukan prinsip pentadbiran yang beramanah dan berintegriti dan keharmonian sosial yang akan mengekalkan keamanan dan kestabilan negara.

Kesemua faktor ini akan mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi negara. Dengan adanya pertumbuhan ekonomi yang berterusan, barulah hasil kekayaan dan kemakmuran negara dapat diagih secara adil dan saksama kepada seluruh rakyat. Ini termasuk pelbagai bentuk program dan inisiatif yang akan meningkatkan pendapatan golongan B40 yang amat memerlukan bantuan dan sokongan kerajaan. Menerusi wawasan ini, semua rakyat akan dapat menikmati taraf kehidupan yang wajar (*decent standard of living*).

Saya percaya apabila nikmat kemakmuran negara dapat dikongsi bersama oleh seluruh rakyat, maka akan wujudlah perpaduan yang sebenar. Tiada mana-mana kumpulan rakyat yang tertinggal dan tercicir daripada arus pembangunan negara.





Institut Masa Depan Malaysia telah diberikan penghormatan oleh kerajaan untuk bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam membangunkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Siri kajian dan konsultasi dengan pelbagai kumpulan pakar dan pemegang taruh telah bermula sejak setahun yang lalu untuk mengenalpasti objektif, teras strategi dan pemboleh daya yang menjadi inisiatif wawasan ini. Akhirnya, terhasil sebuah dokumen penting yang akan menjadi paksi dasar dan halatuju utama kerajaan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih untuk menghasilkan dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. InsyaAllah, dengan iltizam dan kesungguhan semua pihak dalam melaksanakan wawasan ini, negara kita akan menuju masa depan yang lebih baik dengan nikmat kemakmurannya tersedia untuk dikecepi oleh seluruh rakyat.



**MUHYIDDIN YASSIN**

Pengasas

Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

*Bukit Damansara*

*5 Oktober 2019*



# Isi Kandungan

---

## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

### **I** **BAB 1** **1-01** **Pengenalan**

Pendekatan Berasaskan  
Keberhasilan WKB

---

### **2** **BAB 2** **2-01** **Takrifan Kemakmuran Bersama**

### **3** **BAB 3** **3-01** **Negara Bangsa**

Asas Negara Bangsa  
Pasak Negara Bangsa

---

### **4** **BAB 4** **4-01** **Analisis Situasi**

Penstrukturan Ekonomi  
Pendekatan dan Impak Liberalisasi  
Ekonomi Pramatang  
Potensi Pertumbuhan Ekonomi  
Jurang Pembangunan antara  
Wilayah  
Jurang antara Kumpulan  
Pendapatan  
Jurang antara Kumpulan Etnik  
Sabotaj Ekonomi  
Rumusan Analisis Situasi

---

### **5** **BAB 5** **5-01** **Prinsip Panduan Kemakmuran Bersama**

Latar Belakang  
Kemakmuran Berterusan  
Kesaksamaan Keberhasilan  
Pertumbuhan Saksama  
Ekonomi Teragih  
Keterangkuman  
Masyarakat Peribelajar  
Ekonomi Masa Hadapan  
Pendekatan Ekonomi Keperluan  
Ekonomi Politik Berinstitusi  
Model Kesepaduan Sosial  
Paksi Ekonomi Asia  
Demokrasi & Kestabilan  
Integriti & Tadbir Urus yang Baik  
Perpaduan dalam Kepelbagaian  
Kedaulatan & Kelestarian

---

### **6** **BAB 6** **6-01** **Teras Strategik**

Pengenalan  
**6-04 TERAS STRATEGIK 1**  
Ekosistem Perniagaan & Industri  
**6-08 TERAS STRATEGIK 2**  
Aktiviti Pertumbuhan Utama  
Ekonomi (KEGA)  
**6-17 TERAS STRATEGIK 3**  
Modal Insan  
**6-19 TERAS STRATEGIK 4**  
Pasaran Buruh & Pampasan Pekerja  
**6-22 TERAS STRATEGIK 5**  
Kesejahteraan Sosial  
**6-24 TERAS STRATEGIK 6**  
Keterangkuman Wilayah  
**6-29 TERAS STRATEGIK 7**  
Modal Sosial

---

## 7 **BAB 7** 7-01

### Pemboleh Daya Kemakmuran Bersama

- 7-03 **PEMBOLEH DAYA 1**  
Kemampanan Fiskal
- 7-08 **PEMBOLEH DAYA 2**  
Modal Kewangan
- 7-10 **PEMBOLEH DAYA 3**  
Keberkesanan Penyampaian Institusi
- 7-11 **PEMBOLEH DAYA 4**  
Tadbir Urus & Integriti
- 7-12 **PEMBOLEH DAYA 5**  
Pendidikan & TVET
- 7-14 **PEMBOLEH DAYA 6**  
Data Raya
- 7-16 **PEMBOLEH DAYA 7**  
Kelestarian
- 7-18 **PEMBOLEH DAYA 8**  
Masyarakat Berpencerahan

---

## 8 **BAB 8** 8-01

### Sasaran Kemakmuran Bersama

---

## 9 **BAB 9** 9-01

### Keberhasilan Bumiputera

---

## IO **BAB 10** 10-01

### Pengurusan Polariti

#### Kumpulan Sasaran

- B40, Miskin & Rentan Ekonomi
- Masyarakat dalam Transisi Ekonomi
- Masyarakat Orang Asli
- Bumiputera Sabah & Sarawak
- Orang Kurang Upaya (OKU)
- Belia
- Wanita
- Kanak-kanak
- Warga Emas

---

## **KESIMPULAN** 11-01

---

## **LAMPIRAN** 12-01

- Glosari Singkatan
- Metodologi
- Struktur Jawatankuasa
- Pasukan Pengurusan Projek
- Pasukan Petugas Projek

# WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

# M A T L A M A T

WKB ADALAH UNTUK  
MENYEDIAKAN TARAF  
HIDUP YANG WAJAR  
(*DECENT STANDARD OF  
LIVING*) KEPADA SEMUA  
RAKYAT MALAYSIA PADA  
TAHUN 2030.



# KERANGKA KERJA

## WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

### 15 PRINSIP PANDUAN



Kemakmuran  
Berterusan



Masyarakat  
Peribelajar



Paksi  
Ekonomi Asia



Kesaksamaan  
Keberhasilan



Ekonomi Masa  
Hadapan



Demokrasi &  
Kestabilan



Pertumbuhan  
Saksama



Pendekatan  
Ekonomi  
Keperluan



Integriti &  
Tadbir Urus  
Yang Baik



Ekonomi  
Teragih



Ekonomi Politik  
Berinstitusi



Perpaduan  
dalam  
Kepelbagaian



Keterangkuman



Model  
Kesepaduan  
Sosial



Kedaulatan &  
Kelestarian

### 8 PEMBOLEH DAYA



Kemampuan  
Fiskal



Modal  
Kewangan



Keberkesanan  
Penyampaian  
Institusi



Tadbir Urus  
& Integriti



Pendidikan  
& TVET




Data  
Raya



Kelestarian



Masyarakat  
Berpencerahan



**OBJEKTIF**

**PRINSIP PANDUAN**

**TERAS STRATEGIK**

**PEMBOLEH DAYA**




# OBJEKTIF

**WAWASAN**

**KEMAKMURAN**

**BERSAMA**

**(WKB)**





I

## PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA

Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.

Menstruktur  
Ekonomi

2

## MENANGANI JURANG KEKAYAAN & PENDAPATAN

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

Menangani  
Ketidaksamaan

3

## NEGARA BERSATU, MAKMUR & BERMARUAH

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Membina  
Negara



# Ringkasan Eksekutif

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) sebagai hala tuju baharu negara telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) pada 18 Oktober 2018 di Parlimen. Seterusnya, kerangka asas WKB dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan pada 9 Mei 2019.

WKB adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. WKB memberi penekanan kepada prinsip kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*) dan bukannya kesaksamaan peluang (*equitability of opportunities*).

WKB menggariskan tiga objektif, 15 prinsip panduan, tujuh teras strategik dan lapan pemboleh daya untuk merealisasikan matlamat yang ditetapkan.

Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. Sehubungan itu, WKB menghendaki negara merubah model ekonomi dan menstruktur ekosistem perniagaan serta memperkasa dasar dan perancangan sedia ada. Antara perubahan yang akan dilaksana adalah berkaitan dengan pasaran buruh agar guna tenaga dapat ditransformasi untuk memenuhi keperluan pekerjaan berpendapatan tinggi dan perniagaan bernilai tinggi. Transformasi ini diharap dapat meningkatkan pendapatan rakyat ke tahap yang lebih tinggi dan relevan dengan peredaran zaman.

Strategi ekonomi tanpa pertimbangan sosial tidak menjamin keutuhan negara. Pengukuhan pasak negara serta identiti dan naratif nasional yang bermaruah menjadi asas dalam pengukuhan negara bangsa. Pemboleh daya WKB memberi tumpuan kepada pembangunan modal sosial, pendidikan berasaskan berkeberhasilan dan masyarakat berpencerahan bagi memastikan kesepaduan dan kekukuhan sosial dalam kepelbagaian dapat direalisasikan.



WKB telah menetapkan matlamat dan sasaran yang jelas dan boleh diukur. Indikator yang dibangunkan untuk mengukur pembangunan negara tidak hanya berdasarkan pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK), namun pengukurannya akan merangkumi pengagihan kekayaan negara yang boleh dinikmati oleh rakyat termasuk peningkatan dalam kuasa beli dan kesejahteraan hidup. Sasaran WKB adalah lebih holistik berbanding sasaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) seiring dengan keadaan ekonomi yang kompleks dan sosial yang dinamik. Indikator Keberhasilan Utama (KRI) akan digunakan sebagai panduan untuk memantau dengan berkesan serta memastikan objektif dan matlamat WKB dapat dicapai.



# BAB 1

## Pengenalan

Pendekatan Berasaskan Keberhasilan WKB

# Pengenalan

Pada tahun 2030, Malaysia dijangka mempunyai penduduk seramai 38 juta<sup>1</sup> orang. Pertambahan bilangan penduduk menjadi cabaran kepada negara untuk mengembangkan ekonomi bagi menampung keperluan rakyat dan memelihara kestabilan negara. Persoalannya, apakah pendekatan ekonomi yang wajar diambil oleh Kerajaan bagi menjamin negara terus kekal aman dan makmur seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama serta inklusif.

Pada masa ini, kemajuan dan perkembangan status sosioekonomi rakyat diukur berdasarkan pencapaian indikator ekonomi seperti pendapatan per kapita, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan insiden kemiskinan. Sehubungan itu, Kerajaan melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang lebih holistik seiring dengan keadaan ekonomi yang kompleks dan sosial yang dinamik. Pengukuran pencapaian akan merangkumi pengagihan kekayaan negara yang boleh dinikmati oleh rakyat termasuk peningkatan dalam kuasa beli dan kesejahteraan hidup. WKB merangkumi tiga objektif utama, iaitu:

---

## I Pembangunan untuk Semua

Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat;

---

## 2 Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan; dan

---

## 3 Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.



Berdasarkan tiga objektif utama ini, WKB diperincikan dengan lebih lanjut berpandukan 15 prinsip panduan, dilaksana berasaskan tujuh teras strategik dan diperkukuh dengan lapan pemboleh daya.

WKB memberi penekanan yang menyeluruh dengan mengambil kira fakta ekonomi dan data semasa sebagai asas yang kukuh kepada pembangunan negara tanpa mengetepikan aspek perundangan, sosial dan kemasyarakatan. Ringkasnya, WKB merupakan hala tuju baharu dalam usaha untuk membentuk Malaysia yang aman, harmoni dan bersatu padu serta melonjakkan kedudukan negara sebagai paksi ekonomi penting di rantau Asia pada tahun 2030.

## PENDEKATAN BERASASKAN KEBERHASILAN WKB

WKB memberi penekanan kepada pendekatan berasaskan keberhasilan (*outcome-based approach*) dalam merangka dasar dan strategi. Penekanan ini selaras dengan hasrat Kerajaan bagi menentukan keutamaan keberhasilan negara menerusi pengurusan sumber yang lebih efektif dan pelaburan yang bernilai tinggi.

Malaysia perlu menyusun semula indikator dalam mengukur keberhasilan pembangunan sosioekonomi. Penyusunan indikator ini penting memandangkan pengukuran sebelum ini lebih tertumpu kepada penyediaan inisiatif, program, aktiviti, jumlah peserta dan publisiti, termasuk melalui media sosial yang lebih memberi penekanan kepada output berbanding keberhasilan. Indikator keberhasilan utama adalah termasuk aspek

peningkatan pendapatan, pewujudan pekerjaan bernilai tinggi, pengurangan jurang pembangunan antara wilayah serta peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Secara umumnya, WKB merangkumi semua aspek yang terdiri daripada pencapaian fizikal seperti infrastruktur, ekonomi dan sistem pentadbiran serta sosial seperti alam sekitar, nilai kemasyarakatan dan pendidikan. Proses pelaksanaan, pemantauan dan pengukuran keberhasilan dasar ini akan dilakukan melalui pewujudan *dashboard* yang lebih terperinci dan dinamik. Pelaksanaan akan diteruskan secara berkala dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).





# **BAB 2**

Takrifan Kemakmuran  
Bersama

# Takrifan Kemakmuran Bersama

“**Kemakmuran Bersama**” secara global bukanlah istilah baharu dan telah diguna pakai dalam pelbagai platform dan untuk pelbagai tujuan. Bank Dunia telah memberi penekanan kepada agenda ini dan mentakrifkan terma “**Kemakmuran Bersama**”<sup>1</sup> sebagai:



*“...two key elements, economic growth and equity, and it will seek to foster income growth among the bottom 40 percent of a country’s population. Without sustained economic growth, poor people are unlikely to increase their living standards. But growth is not enough by itself. Improvement in the Shared Prosperity Indicator requires growth to be inclusive of the less well off.”*

Selain itu, pernyataan mengenai “**Kemakmuran Bersama**” dikemukakan oleh Joseph E. Stiglitz<sup>2</sup> dalam bukunya *The EURO: How a Common Currency Threatens the Future of Europe*, 2016:



*"A true growth and stability agenda interacts strongly with other elements of the reform agenda: the only sustainable prosperity is shared prosperity."*

United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) pula telah mendefinisikan “Kemakmuran Bersama” dalam strategi pembangunan sebagai:



*“...a strategy for sustained growth must ensure a form of industrialization that makes opportunities accessible to all people and broadly distributes income and non-income gains across society. The inability of countries to fully integrate solutions to social issues into targeted industrial and economic policies undermines the developmental potential of industry, thus widening income inequality gaps.”<sup>3</sup>*

Asas kepada definisi tersebut adalah sama, iaitu menumpukan kepada pembangunan yang tidak seimbang dan jurang pengagihan ekonomi yang semakin melebar. Keadaan ini menuntut kepada pelbagai langkah dan strategi bagi menangani cabaran ini.

Sehubungan itu, WKB diperincikan melalui takrifan berikut:



*Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.*

*Matlamat utama Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.*

Berdasarkan pentakrifan ini, beberapa elemen dihuraikan dengan lebih lanjut. “**Kemakmuran Bersama**” yang ingin dicapai melalui iltizam yang berterusan merupakan kata kunci yang akan didukung oleh WKB melalui “**...negara yang terus membangun secara mampan...**”. Sebarang bentuk pencapaian ekonomi yang terhasil melalui WKB akan dikekalkan dan menjamin kelestarian. Takrifan ini bermaksud bahawa pertimbangan inisiatif dan pelan yang bakal dibentuk akan diselaras dengan matlamat jangka panjang dan melibatkan perubahan yang bermakna.

Selanjutnya, “**...pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif...**” menggariskan tanggungjawab Kerajaan untuk membentuk sebuah sistem ekonomi yang berketerangkuman dan saksama. Aliran pengagihan ekonomi yang adil akan merapatkan jurang pendapatan antara komuniti perniagaan dan kumpulan isi rumah.

Elemen sosiopolitik dalam WKB ditunjukkan melalui “**...mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka...**”. Elemen ini adalah kesan daripada pencapaian kemakmuran ekonomi, pemeraksanaan institusi demokrasi dan pengukuhan jalinan sosial yang terkandung dalam kerangka kerja WKB.

Seterusnya, “**...meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa...**” merupakan usaha berterusan untuk membina negara yang lebih bersatu padu dengan mengambil kira perbezaan etnik, budaya dan juga agama. Pengukuhan jati diri rakyat Malaysia sebagai sebuah masyarakat majmuk perlu terus diutamakan.

WKB turut menggalas tanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia dengan “**Matlamat utama Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.**” Taraf hidup yang wajar ditakrifkan sebagai penyediaan tiga elemen dalam kehidupan rakyat:

- I** kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas;
- II** kemampuan untuk menyertai aktiviti komuniti, kekeluargaan dan riadah sosial; dan
- III** keupayaan untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan bermaruah.

Taraf hidup yang wajar akan mengambil kira pendapatan rakyat berdasarkan perbelanjaan, kelas pendapatan dan lokaliti yang berbeza antara satu sama lain. Penetapan taraf hidup yang wajar akan memberi panduan berguna kepada setiap individu, pekerja, majikan mahupun Kerajaan dapat menilai dan membangunkan program bagi meningkatkan status sosioekonomi rakyat (mobiliti sosial).

## **RANGKUMAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**

- I** Memastikan pembangunan ekonomi yang lestari;
- II** Mencapai pertumbuhan yang mampan seiring dengan pengagihan yang adil, saksama dan inklusif;
- III** Mengembangkan ekonomi dan peluang ekonomi berdasarkan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA);
- IV** Menangani jurang pendapatan dan kekayaan rakyat yang semakin melebar;
- V** Membasmi kemiskinan dan mengurus kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) termasuk golongan mudah terjejas (rentan ekonomi) dan terpinggir; dan
- VI** Membentuk masyarakat yang bersatu padu tanpa prasangka.



# BAB 3

## Negara Bangsa

Asas Negara Bangsa

Pasak Negara Bangsa



# Negara Bangsa

Kesedaran dan penerimaan rakyat terhadap perkara asas yang membentuk latar belakang sesebuah negara adalah prasyarat utama untuk membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan sejahtera. Pemahaman, rasa hormat dan tanggungjawab terhadap sejarah negara akan dapat dipupuk apabila pemasyarakatan dasar Kerajaan dilaksanakan dengan baik termasuk dengan mendidik rakyat agar prihatin tentang beberapa komponen yang menjadi asas Malaysia sebagai sebuah negara bangsa.<sup>1</sup> Masyarakat yang cakna kepada asas negara bangsa adalah masyarakat yang memahami, menghormati dan bertanggungjawab untuk memastikan Malaysia terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif untuk semua.

## ASAS NEGARA BANGSA

Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Manakala, Bangsa Malaysia adalah rakyat berteraskan perkongsian etnik, budaya dan sejarah yang dikongsi bersama. Sebagai Negara Bangsa, rakyat memiliki kesedaran tentang kesatuan identiti serta mempertahankan sempadan politik wilayah.<sup>2</sup>

Dalam pemahaman sosiologi, wujud beberapa kategori yang menjelaskan perbezaan sesebuah negara bangsa berdasarkan penekanan yang diberikan terhadap formula etnik dalam hegemoni politik negara.<sup>3</sup> Berbanding konsep Negara Bangsa *Settler-Migrant*, Malaysia adalah Negara Bangsa Tamu (*Host*) yang melaksanakan

proses integrasi bukan asimilasi untuk mencapai keharmonian, kestabilan dan kemajuan negara,<sup>4</sup> di samping mendokong prinsip kekuatan dalam kepelbagaian budaya dan etnik sebagai aset negara.

Dalam konteks ini, pembentukan negara bangsa haruslah mengambil kira *longue duree* atau pensejarahan jangka panjang,<sup>5</sup> terutama dalam mengenal pasti bentuk simbolisme etnik yang menjadi pasak sesebuah negara bangsa.<sup>6</sup> Perspektif *longue duree* adalah penting dalam memahami bagaimana formula etnik telah diambil kira dalam pembentukan dasar negara.



- 3 Convesi, D. (ed) 2002, *Ethnonationalism in the Contemporary World: Walker Connor Study of Nationalism*. New York: Routledge.
- 4 Ozkirimli, U. 2017, *Theories of Nationalism: a Critical Introduction*, London: Palgrave.
- 5 Malesevis, S. 2018, *Nationalism and Longue Duree*, *Nations and Nationalism*, 24(2):292-299.
- 6 Tang Abdullah, A. R. & Wan Hassan, W. S. *Elemen Sejarah dalam Pembentukan Negara: Kemunculan Negara Bangsa di Eropah dan Proses Kolonialisasi dan Dekolonialisasi dalam Konteks Malaysia*, *Jurnal Perspektif*. (7.1). pp 57-71.  
Jurufoto: Larm Rmah

## PASAK NEGARA BANGSA

Di Malaysia, pembentukan pasak negara bangsa mengambil kira etno-simbol anak watan di Tanah Melayu semasa proses kemerdekaan<sup>7</sup>. Pasak negara bangsa telah diterapkan dalam terma yang dipersetujui dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang menjadi landasan kepada penggabalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Dengan pengiktirafan yang diberikan kepada simbolisme etnik anak watan ini, terma ini menjadi *grundnorm* atau peraturan asas negara yang sudah diterima bersama.

Dalam negara bangsa integrasi ini, tadbir urus dan pembangunan negara adalah berlandaskan proses persetujuan timbal balik atau perkongsian kuasa di antara pelbagai etnik,<sup>8</sup> seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Persetujuan perkongsian kuasa ini telah secara langsung membentuk sebuah negara merdeka yang membenarkan kelestarian kepelbagaian budaya dan etnik yang terikat dengan pasak negara bangsa.

Antara *grundnorm* yang telah dipersetujui dalam pembentukan pelantar integrasi adalah penerimaan beberapa perkara asas yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan<sup>9</sup>, iaitu:

- I** Islam ialah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan (Perkara 3(1));
- II** Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, namun bahasa ibunda kaum lain boleh diajar dan digunakan (Perkara 152(1));
- III** Kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak diiktiraf, namun kepentingan kaum lain juga dilindungi (Perkara 153);
- IV** Kedaulatan Raja-Raja Melayu dijunjung (Perkara 181); dan
- V** Hak kewarganegaraan diberikan kepada mereka yang mempunyai kelayakan di bawah Perlembagaan Persekutuan (Bahagian III).

Di Malaysia, selain daripada peruntukan yang telah dipersetujui melalui prinsip timbal balik dan diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan, rakyat juga dididik untuk menghormati prinsip dan matlamat Rukun Negara yang digubal pada tahun 1970 bagi meningkatkan perpaduan dan mengukuhkan negara bangsa.<sup>10</sup>

## Rukun Negara meletakkan beberapa objektif utama:



## Prinsip Rukun Negara pula menyebut:



Semenjak 1970, pelbagai dasar dan model ekonomi telah diperkenalkan dengan tumpuan untuk mengurangkan jurang perbezaan sosioekonomi rakyat berbilang kaum dengan meletakkan landasan pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif. WKB merupakan kesinambungan warisan dasar dan model ekonomi yang telah menjadi acuan pembangunan negara seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.0.

<sup>10</sup> Abdul Aziz, A. R. *Rukun Negara dan Memperkukuhkan Ketahanan Negara. Political Managements and Policies in Malaysia*. pp. 443-457; Rustam A Sani 1994, *Melayu Baru dan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

## SEJARAH PEMBANGUNAN MALAYSIA

**1948**

Menerima pakai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai dasar dokumen kemerdekaan negara

**1948-1970**

**Rancangan Malaya Pertama**

**Rancangan Malaya Kedua**

**Rancangan Malaysia Pertama (RMKe-I)**

**1957**

Kemerdekaan Tanah Melayu dan pengenalan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang menekankan prinsip kontrak sosial

**1963**

Kemasukan Sabah dan Sarawak dan pembentukan Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963

**1971-1990**

**Dasar Ekonomi Baru (DEB)**

**1970**

Pengenalan Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru sebagai langkah pemulihan negara selepas peristiwa 13 Mei 1969


**RMKe-2 | RMKe-3  
RMKe-4 | RMKe-5**

Pertumbuhan dengan Pengagihan

**1986**

**Dasar Perindustrian Negara**

Mempelbagaikan Ekonomi Negara



*Pembangunan Menyeluruh*



# BAB 4

## Analisis Situasi

Penstrukturan Ekonomi

Pendekatan dan Impak Liberalisasi  
Ekonomi Pramatang

Potensi Pertumbuhan Ekonomi

Jurang Pembangunan Antara Wilayah

Jurang Antara Kumpulan Pendapatan

Jurang Antara Kumpulan Etnik

Sabotaj Ekonomi

Rumusan Analisis Situasi



# Analisis Situasi

## PENSTRUKTURAN EKONOMI


- I** Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan sehingga ke tahap sekarang. Pola ekonomi berasaskan etnik yang telah dibentuk sejak zaman penjajah telah menyebabkan berlaku konflik sosial dalam kalangan rakyat. Lanjutan itu, penstrukturan ekonomi melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan bagi menyusun semula masyarakat untuk memastikan konflik sosial tidak berulang dan ekonomi terus berkembang.
- 2** DEB telah mengembalikan keyakinan dan persefahaman antara kumpulan etnik serta menghasilkan pelbagai peluang penyertaan dalam ekonomi. Antara kejayaan DEB adalah mengurangkan kadar kemiskinan tegar, meningkatkan pendapatan isi rumah, menstruktur semula masyarakat dan mengurangkan identifikasi kumpulan etnik berdasarkan aktiviti ekonomi serta mengukuhkan kestabilan politik. Namun begitu, sasaran pemilikan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30% masih belum dicapai sehingga kini.
- 3** Langkah penstrukturan ekonomi terus dilaksanakan untuk mengalihkan tumpuan negara daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian dengan melaksanakan Dasar Perindustrian Negara dan memperkenalkan Wawasan 2020. Beberapa dasar telah diperkenalkan seperti Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Dasar Transformasi Negara (2011-2020).
- 4** Sepanjang tempoh pelaksanaan dasar penstrukturan ekonomi, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan antara pencapaian yang ketara termasuk:
  - 4.1** melonjakkan Malaysia menjadi negara berteknologi tinggi dengan penubuhan Multimedia Super Corridor (MSC) dan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC), yang kini dikenali sebagai Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC);
  - 4.2** mewujudkan industri automotif tempatan melalui pelaksanaan Dasar Automotif Nasional serta penubuhan Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) pada tahun 1983 dan Perusahaan Otomobil Nasional Kedua (PERODUA) pada tahun 1993;

**4.3** menganjukkan guna tenaga negara daripada kumpulan yang tiada pendidikan rasmi kepada kumpulan yang berpendidikan tertiar, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.0;



### Peratusan Guna Tenaga mengikut Pencapaian Pendidikan, 1982-2018

Kadar Guna Tenaga, %




**4.4** Meningkatkan tahap guna tenaga berkemahiran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.1;



## Peratusan Guna Tenaga mengikut Tahap Kemahiran, 1982 - 2018

Bahagian daripada Guna Tenaga, %



**4.5** mengurangkan kadar kemiskinan daripada 20.7% pada tahun 1984 kepada 0.4% pada tahun 2016;

**4.6** meningkatkan akses kepada kemudahan infrastruktur dan jaringan pengangkutan serta ketersambungan yang menyokong perkembangan ekonomi;

**4.7** memesatkan kadar pertumbuhan KDNK negara hingga mencapai pertumbuhan tahap kumpulan Ekonomi Perindustrian Baru di Asia (Harimau Asia) dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 9.6% setahun dalam tempoh 1991-1996; dan

**4.8** menangani krisis kewangan Asia 1997/98 melalui instrumen kawalan modal terpilih yang mendapat pengiktirafan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

5 Malaysia turut terkesan dengan krisis ekonomi serantau dan dunia seperti krisis ekonomi pada tahun 2001 dan 2008 yang menuntut penyusunan semula pembangunan ekonomi secara lebih holistik. Kerajaan akan terus mengambil langkah penambahbaikan bagi menstruktur semula ekonomi ke arah kemakmuran bersama.



## **PENDEKATAN DAN IMPAK LIBERALISASI EKONOMI PRAMATANG**

### **6**

Malaysia telah melaksanakan langkah liberalisasi ekonomi secara berperingkat sejak tiga dekad yang lalu. Liberalisasi ke atas kadar faedah telah dilaksanakan dua kali pada tahun 1978-1985 dan 1991-1998. Malaysia juga melaksanakan dasar liberalisasi pasaran modal pada tahun 1990 serta dasar kewangan dan fiskal ketat pada tahun 1997. Proses liberalisasi telah dilakukan secara berperingkat mengikut keperluan negara.

Walaupun begitu, sepanjang dua dekad lalu, khasnya sejak tahun 2009, Malaysia telah mula mengadakan liberalisasi ekonomi yang lebih menyeluruh termasuk beralih daripada sektor perindustrian ke sektor perkhidmatan. Kerajaan ketika itu menuju ke arah negara berpendapatan tinggi tanpa mengambil kira nilai pertukaran wang pada tahun 2013 yang telah berubah, pariti kuasa beli dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin.

**6.1** Langkah liberalisasi yang telah diambil adalah dalam bidang perdagangan dan pelaburan, perkhidmatan, perolehan Kerajaan dan syarikat milik kerajaan (SOE). Langkah liberalisasi pramatang yang dilaksanakan termasuk pembubaran Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), kelonggaran pemilikan ekuiti asing sehingga 100% dalam perkhidmatan perniagaan, insurans, borong dan peruncitan serta pengurangan tarif.


**6.2** Malaysia juga mula menerima pakai syarat dan peraturan dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP). Dasar dan perundangan mula diubah mengikut kehendak perjanjian ini. Peranan SOE dikatakan mempunyai kelebihan perbandingan berbanding pelabur asing yang cuba mengawal dan mengekang kebolehan negara untuk membangun dalam industri strategik dan baharu. Langkah liberalisasi pramatang perlu dinilai semula bagi memastikan pertumbuhan berterusan dalam industri tempatan ke arah kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

## POTENSI PERTUMBUHAN EKONOMI

**7 Prestasi KDNK.** Pertumbuhan KDNK Asia Timur dan Pasifik kekal tinggi walaupun terkesan dengan krisis kewangan pada tahun 2008-2009. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK Malaysia perlahan berbanding kadar pertumbuhan KDNK Asia Timur dan Pasifik sejak tahun 2001, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.2.



### KDNK mengikut Serantau dan Negara Terpilih, 2000-2018




# 8

Selain itu, imbalan dagangan sepanjang tahun 2010-2018 masih rendah dan menunjukkan Malaysia masih tidak mencapai potensi ekonomi sepenuhnya. Pertumbuhan imbalan dagangan negara berubah-ubah dengan perubahan nilai import-eksport, iaitu di antara 20% hingga -25%, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.3.



## Kadar Pertumbuhan KDNK dan Imbalan Dagangan, 2010-2018



## 9

Kelebihan negara dalam daya saing tidak lagi bergantung kepada faktor konvensional seperti buruh, tanah dan sumber asli, tetapi beralih kepada aktiviti ekonomi berasaskan pengetahuan. Aktiviti penghasilan dan penyebaran pengetahuan mampu meningkatkan daya saing negara bagi menjana nilai ditambah yang lebih tinggi.

Pelaburan di Malaysia terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dengan sumbangan kepada KDNK hampir mencecah 25% pada tahun 2018. Pertumbuhan pelaburan swasta lebih kukuh berikutan permintaan bagi perbelanjaan modal yang lebih tinggi disumbangkan oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih stabil serta pelaksanaan projek baharu dan sedia ada, terutama dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pelaburan swasta meningkat secara purata sebanyak 7.1% setahun daripada RM82.2 bilion pada tahun 2000 kepada RM235.3 bilion pada tahun 2018.


Walaupun pertumbuhan pelaburan memberangsangkan, namun terdapat pengurangan yang ketara dalam pelaburan bagi peralatan teknologi maklumat dan komunikasi serta jentera dan peralatan lain. Pelaburan bagi peralatan ini hanya 20.9% daripada pembentukan modal tetap kasar (PMTK) pada tahun 2018 berbanding 26% pada tahun 2010. Manakala, pelaburan bagi struktur fizikal telah meningkat daripada 48.2% kepada 58.6% dalam tempoh yang sama. Di samping itu, perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada KDNK masih rendah berbanding negara lain, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.4. Keadaan ini telah menghalang penerimgunaan lebih meluas teknologi termaju dan automasi oleh industri serta mengehadkan inovasi dan peningkatan produktiviti.





## Perbelanjaan R&D kepada KDNK, 2016

Perbelanjaan R&D, %




### IO

Malaysia telah berjaya menarik aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) bernilai RM505.6 bilion bagi tempoh 1998-2018 atau RM24.1 bilion setahun, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.5. Pertumbuhan FDI bersih yang berkembang hanya 2.9% setahun dalam tempoh yang sama telah dilaburkan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan perlombongan.



## Aliran Bersih Pelaburan Langsung Asing (RM bilion)




**II** Walau bagaimanapun, data pelaburan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menunjukkan FDI yang diluluskan dalam tiga subsektor pembuatan yang bernilai tinggi telah berkurangan daripada 50.3% pada tahun 2010 kepada 27.7% pada tahun 2018. Pelaburan dalam subsektor ini merangkumi produk elektronik dan elektrik sebanyak 18.5% daripada jumlah keseluruhan kelulusan, kimia dan produk kimia sebanyak 7.6% serta mesin dan peralatan sebanyak 1.6% pada tahun 2018. Ketiga-tiga subsektor ini penting dan telah dikenal pasti sebagai pemangkin pertumbuhan. Subsektor ini juga mempunyai kesalinghubungan yang kuat dengan subsektor pembuatan lain serta berpotensi mengeluarkan produk yang lebih kompleks dan bernilai ditambah tinggi.

Pulangan pelaburan langsung ke luar negara (DIA) tidak bertambah. Nilai pulangan DIA memberikan pulangan yang lebih rendah berbanding dengan pelaburan asing. Syarikat yang melabur ke luar negara hanya membawa pulangan sekitar 50% daripada nilai pelaburan, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.6. Pemerkasaan program sedia ada dan aktiviti penyumberan luar perlu dipergiat bagi memastikan FDI dan pulangan DIA memberi kesan limpahan kepada pembangunan rantaian bekalan tempatan.



## Kadar Purata Pulangan Pelaburan Langsung, 2010-2017 (%)



## I2


**Kebergantungan kepada komoditi berasaskan petroleum dan gas.** Ekonomi Malaysia masih bergantung kepada produk petroleum dan gas yang berhadapan dengan risiko ketidaktentuan harga dan boleh mengakibatkan kegawatan ekonomi. Pada tahun 1998, peratusan produk petroleum dan gas daripada jumlah eksport hanya pada kadar 6%. Walau bagaimanapun, peratusan ini meningkat kepada 15.5% pada tahun 2018, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.7.






## Nilai Eksport Mengikut Produk Utama 1989, 1998 dan 2018


TAHUN  
**1989**



TAHUN  
**1998**



TAHUN  
**2018**



RM

Jumlah:

**67.8**  
bilion

RM

**286.6**  
bilion

RM

**1,003.6**  
bilion


# I3

**Industri bernilai ditambah dan berteknologi rendah.** Industri pembuatan konvensional terdedah kepada risiko kelapukan teknologi kesan daripada Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Perubahan teknologi ke arah automasi dalam proses pengeluaran, pembangunan percetakan 3D dan teknologi kecerdasan buatan (AI) akan mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti. Penggunaan teknologi tinggi dalam industri pembuatan dan perkhidmatan masih rendah, masing-masing berada pada kadar 37% dan 20%, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.8.



## Kadar Penggunaan Teknologi dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, 2018

Kadar Penggunaan Teknologi,  
% kepada Jumlah Sektor






**I4** Fenomena nyahperindustrian pramatang telah berlaku di Malaysia sejak 20 tahun yang lalu. Kadar penggunaan teknologi tinggi dalam sektor pembuatan mencapai tahap tertinggi pada tahun 1999, iaitu berada pada kadar 52%. Kadar penggunaan ini terus berkurangan dengan ketara sehingga 32% pada tahun 2010, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.9.



### Kadar Penggunaan Teknologi dalam Pengeluaran Sektor Pembuatan, 1987-2015

Tahap Penggunaan Teknologi, %



Sumber Rajah 4.9: Jabatan Perangkaan Malaysia, United Nations Industrial Development Organisation dan analisis oleh Institut MASA

# I5


## Peratusan bahagian pampasan pekerja (CE) kepada KDNK masih rendah.

Bahagian CE kepada KDNK, iaitu pendapatan yang diterima oleh pekerja, telah meningkat daripada 31.7% pada tahun 2010 kepada 35.7% pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, lebih kendalian kasar yang merangkumi pendapatan pemilik modal dan pendapatan campuran telah berkurangan daripada 64.6% kepada 61.0%, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.10.



## Bahagian Pampasan Pekerja kepada KDNK, 2010-2018

Bahagian KDNK mengikut Kaedah Pendapatan, %



Nota : Data tahun 2010 sehingga 2014 berdasarkan penerbitan 2017 dan data tahun 2015 sehingga 2018 berdasarkan penerbitan 2018


16

Bahagian CE kepada KDNK di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah berbanding negara maju seperti Jerman sebanyak 51.5%, United Kingdom 49.4%, Australia 47.1%, Korea Selatan 45.7% dan Singapura 39.7% pada tahun 2018, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.11.



## Peratusan Bahagian Pampasan Pekerja kepada KDNK, 2018


Bahagian Pampasan Pekerja,  
% kepada KDNK



- I7** Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017, gaji pekerja Malaysia adalah lebih rendah dan tidak setimpal berbanding dengan produktiviti buruh. Secara purata, pekerja di Malaysia dibayar sebanyak AS\$340 berbanding negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Jerman, Singapura dan United Kingdom yang dibayar sebanyak AS\$510 bagi pengeluaran bernilai AS\$1,000.
- I8** Antara faktor utama yang menyumbang kepada gaji pekerja yang rendah adalah struktur pasaran buruh dan perindustrian negara yang masih didominasi oleh pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Mengikut Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kumpulan ini mewakili sebanyak 72.8% daripada keseluruhan guna tenaga yang meliputi empat taraf pekerjaan, iaitu majikan, pekerja, bekerja sendiri dan pekerja keluarga tanpa gaji. Walau bagaimanapun, Laporan Survei Gaji dan Upah 2017 oleh DOSM yang hanya mengukur gaji dan upah bagi pekerja sepenuh masa menunjukkan peratusan pekerja separuh mahir dan berkemahiran rendah meliputi sebanyak 63.2% daripada keseluruhan pekerja tersebut dan menerima purata gaji dan upah kurang daripada RM1,947 sebulan.
- I9** Selain itu, peningkatan kemasukan pekerja asing telah memberi tekanan kepada kadar upah dalam pasaran buruh. Sektor yang mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing seperti pertanian, pembuatan dan pembinaan menerima purata gaji dan upah sebanyak RM2,434 sebulan berbanding sektor perkhidmatan yang menerima purata gaji dan upah sebanyak RM3,028 sebulan pada tahun 2017.
- 20** Pengagihan keuntungan korporat yang kecil kepada pekerja menyebabkan pekerja di Malaysia menghadapi kesukaran dalam menguruskan kewangan dan mengumpul kekayaan. Kumpulan B40 menerima impak paling besar berikutan pendapatan kumpulan ini tidak mencukupi untuk membiayai kos sara hidup. Sebahagian besar kumpulan B40 terlibat dalam pekerjaan bergaji rendah dan perniagaan secara kecil-kecilan. Kumpulan ini lebih mudah terjejas apabila berlaku krisis ekonomi dan kewangan berikutan ketiadaan jaminan simpanan dan mempunyai tahap keberhutangan yang tinggi, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.12.

4.12

## Kekangan Kumpulan Isi Rumah Mudah Terjejas




rakyat Malaysia tidak boleh menyediakan **RM1,000 di waktu kecemasan**



daripada isi rumah berpendapatan kurang daripada RM5,228 sebulan dicadangkan supaya **Gaji Hidup Wajar (Decent Living Wage)**: RM6,500 (untuk keluarga seramai 4 orang di WP Kuala Lumpur)




pekerja di Malaysia yang berpendapatan **bawah RM2,000 (2016) dan RM2,160 (2017)**



Pendapatan negara adalah daripada perolehan **gaji dan upah** kepada pekerja



daripada 14.5 juta pekerja mempunyai **cukup wang persaraan**




**Majoriti** rakyat Malaysia akan **kehabisan tunai** dalam masa seminggu sekiranya hilang sumber pendapatan

**2I** Pasaran buruh negara turut berdepan dengan isu tahap produktiviti buruh yang rendah. Pertumbuhan produktiviti buruh di Malaysia telah meningkat dengan kadar yang perlahan, iaitu 2.5% setahun bagi tempoh 2011-2016 berbanding 3.2% setahun bagi tempoh 1985-1996, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.13. Pertumbuhan yang perlahan ini berikutan peningkatan bilangan pekerja dan penggunaan jentera yang masih rendah. Industri yang berintensifkan buruh pula lebih bergantung kepada pekerja asing.



### Peratus Pertumbuhan Produktiviti Pekerja 1985-1996, 2000-2007, 2011-2016

Pertumbuhan Produktiviti, %




## JURANG PEMBANGUNAN ANTARA WILAYAH

**22** Perancangan dan strategi pembangunan negara sebelum ini tertumpu di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Pada tahun 2018, WP Kuala Lumpur dan Selangor sahaja telah menyumbang hampir 40% kepada KDNK negara berbanding lima negeri<sup>1</sup>, iaitu Kelantan (1.8%), Kedah (3.3%), Pahang (4.1%), Sarawak (9.7%) dan Sabah (6.2%) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.14. Pemusatan pembangunan ekonomi di kedua-dua negeri tersebut telah melebarkan lagi jurang pembangunan antara negeri.



### Sumbangan Peratusan KDNK Negeri kepada KDNK Malaysia, 2018




<sup>1</sup> Pemilihan negeri berdasarkan kriteria, iaitu pendapatan per kapita yang rendah pada tahun 2018 dan pendapatan purata isi rumah yang kecil pada tahun 2016 serta keluasan negeri yang besar, namun sumbangan KDNK yang kecil pada tahun 2018.

**23** Pendapatan purata bulanan isi rumah di WP Kuala Lumpur ialah RM11,692 dan Selangor berjumlah RM9,463 adalah lebih tinggi berbanding lima negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak. Lima negeri ini mempunyai pendapatan purata bulanan isi rumah terendah di Malaysia iaitu kurang daripada RM5,500 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.15. Selain itu, perancangan pembangunan seperti ini telah menyebabkan jurang pendapatan penengah isi rumah antara negeri berbanding dengan nasional semakin melebar dalam tempoh 2014-2016.



### Pendapatan Isi Rumah Purata Bulanan mengikut Negeri Terpilih, 2016






**24** Tujuh negeri, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak serta WP Labuan menunjukkan peningkatan peratusan isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada separuh pendapatan penengah nasional, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.16. Peningkatan peratusan ini menunjukkan jurang pendapatan terus melebar.



### Peratusan Isi Rumah yang Berpendapatan Kurang daripada Separuh Pendapatan Penengah Nasional Mengikut Negeri, 2014 dan 2016

Pendapatan Isi Rumah, %




25

Program pembangunan yang berpusat di bandar dan peluang ekonomi yang tidak teragih telah menyebabkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar semakin melebar. Jurang pendapatan isi rumah antara kawasan bandar dan luar bandar meningkat daripada RM419 pada tahun 1989 kepada RM2,389 pada tahun 2016, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.17.



### Nilai Jurang Pendapatan Penengah Isi Rumah Malaysia mengikut Bandar dan Luar Bandar, 1989-2016

Nilai Jurang Pendapatan Bandar-Luar Bandar, RM




## JURANG ANTARA KUMPULAN PENDAPATAN

**26** Terdapat jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi (T20) dan kumpulan B40 yang ketara dan semakin melebar sepanjang tempoh 27 tahun yang lalu. Pada tahun 1989, nilai jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan T20 dan B40 berjumlah RM1,935 dan terus meningkat kepada RM10,148 pada tahun 2016, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.18.



### Nilai Jurang Pendapatan Isi Rumah Bulanan Penengah mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah T20-B40

Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah, RM



- Pendapatan Kumpulan Isi Rumah T20
- Pendapatan Kumpulan Isi Rumah B40


## JURANG ANTARA KUMPULAN ETNIK

**27** Jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan isi rumah etnik Bumiputera dan Cina pada tahun 1989 ialah RM497. Pada tahun 2016, jurang ini meningkat hampir empat kali ganda kepada RM1,736 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.19.



### Nilai Jurang Pendapatan Penengah antara Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik Bumiputera dan Cina, 1989-2016

Pendapatan Penengah  
Bulanan Isi Rumah, RM



1989:  
RM497

Jurang Pendapatan  
Cina-Bumiputera

2016:  
RM1,736


- Pendapatan Isi Rumah Cina
- Pendapatan Isi Rumah Bumiputera

**28** Dalam tempoh yang sama, jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan isi rumah etnik India dan Cina juga melebar sebanyak empat kali ganda daripada RM286 kepada RM1,154 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.20.



### Nilai Jurang Pendapatan Penengah Antara Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik India dan Cina, 1989-2016

Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah, RM



1989: **RM286**      Jurang Pendapatan **Cina-India**      2016: **RM1,154**


- Pendapatan Isi Rumah Cina
- Pendapatan Isi Rumah India

**29** Berdasarkan nilai transaksi aset bukan kewangan dalam pasaran primer dan sekunder, etnik Bumiputera lebih tertumpu kepada transaksi bagi unit kediaman berbanding lot komersial dan industri. Nilai transaksi bagi unit kediaman dalam pasaran sekunder yang melibatkan etnik Bumiputera hanya berjumlah RM16,846 juta berbanding RM32,263 juta bagi kumpulan etnik bukan Bumiputera, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.21.




## Nilai Transaksi Aset Bukan Kewangan dalam Pasaran Primer dan Pasaran Sekunder, 2018

### Nilai Transaksi Pasaran Primer



### Nilai Transaksi Pasaran Sekunder




**30** Penyertaan etnik Bumiputera dalam bidang profesional terpilih masih rendah dan didominasi oleh kumpulan etnik bukan Bumiputera kecuali doktor gigi dan juruukur, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.22. Dominasi ini lebih ketara dalam profesion akauntan, iaitu sebanyak 92% akauntan berdaftar di Malaysia terdiri daripada kumpulan etnik bukan Bumiputera.



### Bumiputera dalam Profesion Berdaftar Terpilih, 2010 dan 2014

% Daripada Jumlah




3I

Bilangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera bukan sahaja kurang berbanding dengan PKS bukan Bumiputera, malah purata nilai ditambah yang dijana oleh PKS Bumiputera adalah sebanyak RM0.8 juta berbanding dengan RM1.0 juta yang dijana oleh PKS bukan Bumiputera, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.23.



### Nilai Ditambah Perusahaan Kecil dan Sederhana, 2015





## SABOTAJ EKONOMI

**32** Sabotaj ekonomi<sup>2</sup> telah menyebabkan usaha untuk membangunkan kumpulan yang ketinggalan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi terencat. Kes salah guna kuasa dan pecah amanah masih berlaku dalam sektor awam dan swasta. Amalan rasuah di Malaysia berada di tahap kritikal apabila Indeks Persepsi Rasuah (CPI) meletakkan Malaysia di tangga ke-61 daripada 180 negara pada tahun 2018 berbanding di tangga ke-39 daripada 145 negara pada tahun 2004.

**33** Selain itu, kedudukan ini disokong oleh dapatan daripada survei Barometer Rasuah Global 2017<sup>3</sup> yang memberi persepsi tahap rasuah di peringkat negara seperti berikut:

**33.1** 60% daripada rakyat Malaysia berpandangan bahawa tahap rasuah meningkat;

**33.2** 57% daripada rakyat Malaysia menganggap bahawa polis terlibat dalam rasuah;

**33.3** 48% daripada rakyat Malaysia mendakwa bahawa ahli-ahli majlis, pegawai cukai terlibat dalam rasuah; dan

**33.4** 46% daripada rakyat Malaysia berpandangan bahawa eksekutif syarikat terlibat dalam rasuah.

**34** **Perolehan Kerajaan.** Kajian kes yang dilaksanakan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menunjukkan bahawa berlaku ketirisan dalam agihan nilai kontrak yang diterima oleh kontraktor Bumiputera seperti berikut:

**34.1** sebanyak 10% hingga 15% telah diagihkan kepada orang tengah atau pelobi;

**34.2** 5% hingga 7% kepada pemilik kontrak atau konsesi;

**34.3** 13% hingga 15% kepada kumpulan politik dan birokrat; dan

**34.4** dianggarkan sekitar 65% nilai kontrak adalah kos sebenar projek.

<sup>2</sup> GIACC merujuk sabotaj ekonomi sebagai amalan penyelewengan objektif sebenar dasar yang dicipta untuk meningkatkan taraf sosioekonomi negara dan merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan etnik, ia termasuk tetapi tidak terhad kepada amalan rasuah, monopoli, pecah amanah, pengaturhan proksi, amalan syarikat Ali Baba, perjanjian perdagangan bebas yang tidak adil dan manipulasi data.

<sup>3</sup> Barometer Rasuah Global (GCB) dijalankan oleh Transparency International (TI)

**35** Ketirisan ini telah menjejaskan pencapaian matlamat pembangunan ekonomi, terutama kumpulan etnik Bumiputera. Pengagihan projek tersebut tidak memberi manfaat sepenuhnya kepada rantaian bekalan kontraktor Bumiputera.

**36** Mengikut anggaran pada tahun 2015, daripada RM1.1 trilion jumlah perolehan Kerajaan selama 20 tahun, sebahagian besar telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera. Walau bagaimanapun, sumbangan PKS Bumiputera kepada KDNK masih rendah, iaitu kurang daripada 9% seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.24.



### Sumbangan PKS Bumiputera pada Tahun 2015 Berbanding Jumlah Perolehan Kerajaan Sepanjang 20 Tahun



**RM1.1  
TRILION**

Perolehan kerajaan untuk pembangunan, bekalan dan perkhidmatan selama 20 tahun (RMKe-7 sehingga RMKe-10)



**LEBIH  
50%**

Anggaran kontrak yang diberikan kepada golongan Bumiputera bagi tempoh 20 tahun



**KURANG  
9%**

Sumbangan PKS Bumiputera kepada KDNK pada tahun 2015


**37** Pelaksanaan Agenda Bumiputera masih tidak dapat dicapai kerana dibelenggu dengan amalan kleptokrasi, nepotisme, kronisme, rasuah serta pemesanan pengagihan dalam rantaian bekalan. Berdasarkan pencapaian sehingga kini, penyertaan Bumiputera dalam ekonomi masih tidak berkesan.

**38** **Monopoli.** Kegiatan monopoli boleh menyebabkan penetapan harga tanpa kawalan berlaku secara berleluasa dan memberi kesan kepada keseluruhan rantaian bekalan. Kegiatan ini masih berlaku di pelbagai peringkat rantaian bekalan daripada pembekalan barangan asas kepada pembekalan bahan binaan projek mega.


**39** Berdasarkan laporan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), tiga buah syarikat utama masing-masing menguasai 31%, 22% dan 21% daripada pasaran simen negara. Pada tahun 2019, melalui aktiviti pengambilalihan, salah satu syarikat telah menguasai 52% pasaran dan bercadang untuk menambah penguasaan 22% daripada pasaran simen, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.25.



### Pengagihan Pengeluaran Simen dalam Industri Pembinaan 2016, dan 2019



Pengagihan Pengeluaran **2016**



Pengagihan Pengeluaran **2019**




**40 Pencatutan.** Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dijalankan oleh MyCC mendapati pemborong utama menaikkan harga sehingga enam kali dalam rantai pemasaran ikan tempatan dengan mengambil keuntungan antara 60% hingga 75% di setiap lapisan rantai. Aktiviti pencatutan ini merupakan punca utama harga ikan mahal di pasaran. Perkara ini tidak setimpal dengan titik peluh nelayan yang mengharungi samudera untuk mencari rezeki tetapi dimanipulasi oleh orang tengah yang mengaut keuntungan berlebihan.

# 4I

Sabotaj ekonomi memberi kesan kepada sumbangan Bumiputera terhadap KDNK. Penyertaan Bumiputera yang tidak menyeluruh dalam ekonomi, pelaksanaan strategi yang kurang berkesan serta pengukuran keberhasilan yang berbeza dan kurang tepat telah menghadkan potensi ekonomi Bumiputera. Pada tahun 2014, sumbangan ekonomi Bumiputera yang turut mengambil kira lebih kendalian kasar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah sebanyak 46% kepada KDNK. Namun, daripada jumlah tersebut, sumbangan sebenar Bumiputera setelah ditolak lebih kendalian kasar GLC hanyalah sebanyak 28%. Daripada lebih kendalian kasar nasional berjumlah RM727 bilion, hanya RM81 bilion adalah milik syarikat Bumiputera, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.26. Sumbangan ini menggambarkan jurang milikan persyarikatan Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah besar, lantas mewujudkan monopoli dan jurang ekonomi pada tahap yang membimbangkan.




## Anggaran Keluaran dalam Negeri Kasar mengikut Kumpulan Etnik Bumiputera, 2014



**42** Sabotaj ekonomi memberi kesan kepada pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Pelaksanaan dasar liberalisasi ekonomi sejak tahun 2002 dan pembubaran FIC pada tahun 2009 telah menyumbang kepada peningkatan pemilikan ekuiti asing. Pelaksanaan dasar ini telah menyebabkan *crowding-out effect* yang merencatkan kemampuan Bumiputera untuk bersaing dalam pemilikan ekuiti. Berdasarkan Laporan Pemilikan Ekuiti Korporat tahun 2011 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, peratusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera adalah sebanyak 23.4%, bukan Bumiputera 34.9% dan asing 37.2%, tidak termasuk pemilikan nomini. Namun pada tahun 2015, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dan bukan Bumiputera telah menurun masing-masing kepada 16.2% dan 30.7%. Manakala pemilikan ekuiti asing telah meningkat dengan ketara kepada 45.3% dalam tempoh yang sama, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.27 dan Rajah 4.28. Oleh yang demikian, sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang telah ditetapkan dalam DEB masih jauh untuk dicapai.



### Nilai dan Peratusan Pemilikan Ekuiti Sektor Korporat Malaysia, 2008, 2011 - 2015




Sumber Rajah 4.27: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi



## Peratusan Pemilikan Ekuiti Sektor Korporat Malaysia, bagi Tahun Terpilih

Pemilikan ekuiti, %



## RUMUSAN ANALISIS SITUASI

**43** Dalam tempoh sedekad yang lalu, analisis situasi kepada struktur sosioekonomi Malaysia merumuskan seperti berikut:

- 43.1** pertumbuhan ekonomi masih belum mencapai potensi sebenar;
- 43.2** kepelbagaian produk dan perkhidmatan masih belum mencapai tahap optimum dan kebergantungan kepada eksport berasaskan komoditi secara relatifnya adalah masih tinggi;
- 43.3** sebahagian besar industri masih berada dalam kategori nilai ditambah yang rendah dengan penggunaan teknologi yang rendah;
- 43.4** bahagian pampasan pekerja kepada KDNK adalah masih rendah;
- 43.5** jurang antara kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah semakin melebar;
- 43.6** wujudnya masalah persaingan yang tidak adil dalam pasaran akibat amalan monopoli dan pencatutan;
- 43.7** gejala rasuah dan salah guna kuasa menjejaskan pertumbuhan dan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama; dan
- 43.8** ekonomi Bumiputera tidak berkembang seiring dengan pembangunan dan kemajuan negara.

**44** Berdasarkan kehendak dan keperluan ekonomi negara, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah digubal untuk menangani situasi di atas.





# BAB 5

## Prinsip Panduan Kemakmuran Bersama

Pengenalan

Kemakmuran Berterusan

Kesaksamaan Keberhasilan

Pertumbuhan Saksama

Ekonomi Teragih

Keterangkuman

Masyarakat Peribelajar

Ekonomi Masa Hadapan

Pendekatan Ekonomi Keperluan

Ekonomi Politik Berinstitusi

Model Kesepaduan Sosial

Paksi Ekonomi Asia

Demokrasi dan Kestabilan

Integriti dan Tadbir Urus yang Baik

Perpaduan dalam Kepelbagaian

Kedaulatan dan Kelestarian

## BAB

# 5

# Pengenalan

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia yang unik. Justeru, 15 Prinsip Panduan (PP) telah ditetapkan sebagai panduan kepada penyediaan teras strategik dan pemboleh daya serta sasaran WKB.



## PRINSIP PANDUAN



Kemakmuran Berterusan



Masyarakat Peribelajar



Paksi Ekonomi Asia



Kesaksamaan Keberhasilan



Ekonomi Masa Hadapan



Demokrasi & Kestabilan



Pertumbuhan Saksama



Pendekatan Ekonomi Keperluan



Integriti & Tadbir Urus Yang Baik



Ekonomi Teragih



Ekonomi Politik Berinstitusi



Perpaduan dalam Kepelbagaian



Keterangkuman



Model Kesepaduan Sosial



Kedaulatan & Kelestarian



## PRINSIP PANDUAN 1

### KEMAKMURAN BERTERUSAN

Kemakmuran berterusan bermaksud wujudnya pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan serta mampu menyerap sebarang perubahan negatif dari segi penawaran dan permintaan komoditi serta ketidaktentuan ekonomi global.

Bagi memastikan WKB dapat dicapai, saiz ekonomi perlu berkembang dengan kadar pertumbuhan positif yang berterusan. Walaupun pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia berkembang positif, namun struktur ekonomi belum beralih ke arah yang lebih produktif seperti industri berteknologi tinggi, mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berasaskan pengetahuan. Peralihan ini diperlukan supaya ekonomi Malaysia berkembang selaras dengan trend ke hadapan.

Hasrat utama prinsip ini adalah untuk membina daya tahan ekonomi agar mampu menyerap sebarang ketidaktentuan pasaran global yang mempengaruhi perubahan harga, permintaan dan penawaran. Selain itu, ketidakstabilan geopolitik yang boleh mewujudkan kejutan luaran perlu ditangani tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Prinsip **Kemakmuran Berterusan** menekankan kepada keberhasilan seperti berikut:

- I.1** pengandaan saiz ekonomi dan peningkatan nilai ditambah dalam rantaian bekalan;
- I.2** pelaksanaan model pembangunan yang mampan termasuk keupayaan pengeluaran, pemilikan harta intelek dan pengandaan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada KDNK;
- I.3** penyertaan dan penguasaan dalam industri baharu terutama oleh PKS dan *start-up*;
- I.4** pengandaan nilai ditambah rantaian bekalan syarikat tempatan terutama PKS;
- I.5** pengukuhan dan penembusan jenama Malaysia di pasaran global terutama ASEAN; dan
- I.6** pewujudan pekerjaan bernilai tinggi, pengurangan guna tenaga tidak penuh, peningkatan jumlah pekerja berkemahiran dan guna tenaga efektif.



## PRINSIP PANDUAN 2

### KESAKSAMAAN KEBERHASILAN

WKB akan memberi penekanan kepada pendekatan Kesaksamaan Keberhasilan (*Equitability of Outcomes*) berbanding Kesaksamaan Peluang (*Equitability of Opportunities*). Pendekatan ini akan membolehkan rakyat lebih merasai nikmat pengagihan kekayaan dan pembangunan negara. Menurut Dr. Ha Joon Chang, pakar ekonomi pembangunan Korea Selatan di Universiti Cambridge:



***“Equality of opportunity is the starting point for a fair society. But it’s not enough. Of course, individuals should be rewarded for better performance, but the question is whether they are actually competing under the same conditions as their competitors. ...”***

***“...Unless there is some equality of outcome, equal opportunities are not truly meaningful.”***

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah memberi peluang kepada semua kaum termasuk Bumiputera. Namun begitu, sasaran pencapaian Bumiputera tidak memberi hasil sebagaimana yang dihasratkan. Tindakan afirmatif kepada kelompok teramai, iaitu Bumiputera telah digunakan oleh sekumpulan masyarakat untuk mengaut keuntungan berlebihan atas nama Bumiputera. Dalam masa yang sama, terdapat kumpulan masyarakat seperti golongan miskin, Bumiputera bukan Melayu dan masyarakat luar bandar tidak memperoleh manfaat serta mencapai keberhasilan yang diharapkan daripada pelaksanaan dasar Kerajaan. Tindakan afirmatif ini juga dilihat tidak wajar kerana menyetepikan merit dan kebolehan sebahagian kumpulan lain dan dikatakan memihak kepada kumpulan tertentu, terutama golongan yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan cara yang mudah dan dalam masa yang singkat.

Ketirisan dalam pelaksanaan dasar, penyalahgunaan kuasa dan rasuah merupakan cabaran utama dalam mencapai Kesaksamaan Keberhasilan dalam agenda Bumiputera. Sehubungan itu, pendekatan dasar, intervensi dan program yang lebih komprehensif dalam mencapai Kesaksamaan Keberhasilan adalah penting bagi mencapai matlamat WKB kepada semua kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Pendekatan ekonomi yang memberi penekanan kepada Kesaksamaan Keberhasilan menjadi penentu kejayaan WKB. Matlamat yang diharapkan di bawah Kesaksamaan Keberhasilan antara lain adalah:

- 2.1** kesamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit;
- 2.2** merapatkan jurang pendapatan isi rumah;
- 2.3** kesaksamaan pendapatan di antara pemilik modal dan pekerja;
- 2.4** nisbah profesional dan pengurusan korporat berdasarkan peratusan bilangan penduduk mengikut kumpulan etnik;
- 2.5** meningkatkan kadar sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK);
- 2.6** kesaksamaan agihan ekonomi; dan
- 2.7** mobiliti sosial yang positif.



## PRINSIP PANDUAN 3

### **PERTUMBUHAN SAKSAMA**

Pertumbuhan saksama bermaksud jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan semakin mengecil dan terhapusnya monopoli ekonomi. Prinsip ini meletakkan penekanan terhadap pembahagian kek ekonomi yang lebih adil dan saksama kepada demografi penduduk negara.

Pertumbuhan yang tidak saksama membawa kepada jurang pendapatan dan kekayaan yang semakin melebar di Malaysia. Pada tahun 2017, gaji dan upah penengah pekerja di Malaysia adalah sebanyak RM2,160 sebulan. Manakala perbezaan nilai pendapatan penengah isi rumah Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Selangor adalah hampir sekali ganda berbanding dengan Kelantan, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Kesaksamaan pertumbuhan tidak bermaksud semua pihak akan mendapat hasil yang sama kerana realitinya perkara ini tidak berlaku dalam kebanyakan sektor. Namun begitu, kesamaan gaji benar boleh dicapai bertepatan dengan prinsip anti-diskriminasi.

Prinsip **Pertumbuhan Saksama** menekankan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 3.1** pengenalan perundangan dalam sektor swasta terutama dalam konteks perjawatan dan gaji pekerja;
- 3.2** pengecilan jurang nisbah pendapatan isi rumah;
- 3.3** penyertaan yang lebih adil dalam rantaian bekalan;
- 3.4** pengurangan kuasa monopoli; dan
- 3.5** penambahbaikan langkah anti-pencatutan.



## PRINSIP PANDUAN 4

### EKONOMI TERAGIH

Ekonomi teragih bermaksud pengagihan ekonomi mesti melangkaui sempadan geografi agar pertumbuhan teragih secara lebih adil (*distributive justice*) dan menyeluruh dapat dirasai. Halangan agihan ekonomi dari segi lokaliti, kebolehcapaian dan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar mesti diatasi melalui pengurusan ekonomi yang teragih dan adil. Pengurusan ini termasuk memperkukuh logistik dan fasilitasi perdagangan, meningkatkan kebolehcapaian internet, menambah baik infrastruktur awam meliputi jaringan jalan raya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Aktiviti ekonomi bernilai tinggi lebih tertumpu di kawasan WP Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Pada tahun 2018, WP Kuala Lumpur dan Selangor sahaja telah menyumbang hampir 40% kepada KDNK negara berbanding negeri-negeri lain seperti Perlis (0.4%), Kelantan (1.8%), Terengganu (2.6%) dan Kedah (3.3%). Aktiviti ekonomi di kedua-dua negeri tersebut telah memberi kesan kepada ketidakseimbangan pembangunan antara negeri dan dalam kalangan wilayah.

Prinsip **Ekonomi Teragih** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 4.1** pengurangan nilai pekali GINI bandar – luar bandar;
- 4.2** pengecilan jurang KDNK antara negeri;
- 4.3** pengurangan nilai jurang pendapatan isi rumah penengah antara negeri;
- 4.4** pengenalpastian dan pembangunan pemangkin ekonomi negeri dan wilayah;
- 4.5** peningkatan jumlah dan nilai ditambah PKS bagi setiap negeri; dan
- 4.6** pengurangan kekangan kebolehcapaian dari segi logistik dan pasaran.



## PRINSIP PANDUAN 5 KETERANGKUMAN

Keterangkuman bermaksud pendekatan ekonomi yang menumpukan kepada usaha untuk memastikan kumpulan terpinggir dan keciciran terlibat sama dalam peluang ekonomi dan pembangunan negara. Pendekatan ini termasuk membangunkan pusat pertumbuhan ekonomi berdekatan dengan kawasan geografi kumpulan ini, meningkatkan kebolehcapaian sokongan, bantuan dan jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh serta melaksanakan program pembasmian kemiskinan secara berterusan.

Berdasarkan Laporan *World Economic Forum* pada tahun 2018, Malaysia menunjukkan kadar keterangkuman yang tidak memberangsangkan berbanding dengan beberapa negara Eropah dan Eurasia dalam aspek pembangunan dan pertumbuhan keterangkuman sekiranya dinilai berdasarkan kekayaan GINI, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.0.



### Pembangunan & Pertumbuhan Negara Mengikut Tahap Keterangkuman, 2018: Trend Lima Tahun

NEGARA	PENDAPATAN BERSIH GINI <sup>1</sup>	KEMISKINAN,% (2012-2016)	KEKAYAAN GINI (2013-2018)	PENDAPATAN PENENGAH <sup>2</sup> , AS\$
Lithuania	0.4	-0.7	-14.9	2.2
Hungary	0.4	0.7	-18.7	0.4
Azerbaijan	2.1	2.2	-14.1	0.6
Latvia	-0.3	-2.7	-12.4	10.8
Poland	0.6	-0.1	-2.0	1.4
Malaysia	-0.9	-0.3	0.5	0.9

Nota :

1. Rujuk tahun 2016 atau tahun terkini yang diperolehi.
2. Rujuk tahun antara 2008 dan 2012 atau tahun terkini yang diperolehi.



Keterangkuman telah menjadi satu prinsip utama dalam rancangan pembangunan negara yang mana tidak ada golongan yang akan tercicir dalam arus pembangunan. Prinsip ini mewakili pelbagai kelompok dan **tidak terhad** kepada kumpulan berikut:

- I** B40, Miskin & Rentan Ekonomi;
- II** Masyarakat dalam Transisi Ekonomi;
- III** Masyarakat Orang Asli;
- IV** Bumiputera Sabah & Sarawak;
- V** Orang Kurang Upaya (OKU);
- VI** Belia;
- VII** Wanita;
- VIII** Kanak-kanak; dan
- IX** Warga Emas.

Dengan adanya prinsip **Keterangkuman** yang melandasi WKB, keberhasilan yang dijangka adalah seperti berikut:

- 5.1** penggandaan pendapatan penengah isi rumah;
- 5.2** peningkatan bilangan Orang Asal dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan profesional; dan
- 5.3** penambahbaikan isu mobiliti sosial masyarakat dalam transisi ekonomi.



## PRINSIP PANDUAN 6

### MASYARAKAT PERIBELAJAR

Masyarakat peribelajar bermaksud masyarakat yang berpengetahuan dan sentiasa mementingkan pembelajaran sepanjang hayat. Masyarakat ini juga mampu untuk mengenal pasti kelemahan diri dan berupaya mengubah serta memperbaiki nasib diri, keluarga dan masyarakat. Prinsip ini merangkumi keperluan untuk meningkatkan pencapaian individu menerusi penambahbaikan dasar dan institusi berteraskan nilai dan budaya tempatan.

Bagi membolehkan pengembangan ilmu dan masyarakat peribelajar yang berterusan, intervensi Kerajaan yang lebih bersepadu adalah diperlukan dalam menyuburkan pembelajaran sepanjang hayat. Masyarakat peribelajar adalah imperatif dalam memajukan ekonomi dan hanya boleh dicapai dalam suasana negara yang stabil dan demokratik serta masyarakat yang terbuka.

Prinsip **Masyarakat Peribelajar** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 6.1** pemupukan budaya keilmuan dalam kalangan masyarakat;
- 6.2** penglibatan aktif masyarakat dalam perundingan untuk menggubal dasar dan merancang pembangunan;
- 6.3** pembangunan generasi pekerja berkemahiran tinggi berdasarkan keperluan industri masa hadapan;
- 6.4** peningkatan pertukaran teknologi dan kejuruteraan berbalik dalam sektor pembuatan; dan
- 6.5** pengukuhan dasar harta intelek bagi meningkatkan pembangunan harta intelek tempatan.




## PRINSIP PANDUAN 7

### EKONOMI MASA HADAPAN

Ekonomi masa hadapan bermaksud sikap, dasar, perundangan, teknologi, infrastruktur, aset dan trend perniagaan perlu berubah supaya relevan dengan tuntutan ekonomi masa hadapan. Di bawah prinsip ini, penerokaan dalam bidang baharu akan diberi keutamaan seperti ekonomi digital, automasi, penyediaan platform, teknologi kewangan, *artificial intelligence* (AI) dan *blockchain*. Malaysia harus mempunyai dasar yang jelas dalam memberi kesedaran, mengadaptasi, seterusnya menguasai ekonomi masa hadapan dan bukan hanya menjadi pengguna.

Trend perniagaan dan pemasaran berasaskan ekonomi digital telah mewujudkan pelbagai jenis pekerjaan yang menggunakan aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Whatsapp*. Pengenalan pelbagai platform *disruptive* seperti *e-hailing*, *e-booking* dan *e-mall* juga telah mengubah kaedah pemasaran dan penyediaan perkhidmatan daripada kaedah konvensional kepada dalam talian. Selain itu, proses pengeluaran mengalami perubahan radikal dengan penggunaan teknologi *drone*, pertanian pintar dan *augmented reality* (AR). Di samping itu, aktiviti kewangan mula beralih kepada platform digital seperti *e-payment* dan *e-wallet* serta *robo-advisor* sebagai perunding bagi aktiviti berkaitan pelaburan.

Kegagalan mengadaptasi Ekonomi Masa Hadapan, antara lain menyebabkan data raya negara akan dikuasai oleh masyarakat global menerusi platform digital merentas sempadan. Keadaan ini akan menyukarkan kawalan dari segi jenayah korporat, penipuan, transaksi wang keluar dan kestabilan pertukaran wang asing.



Prinsip **Ekonomi Masa Hadapan** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 7.1** peningkatan jumlah inovasi dalam ekonomi masa hadapan;
- 7.2** pewujudan lebih banyak pekerjaan baharu terutama kepada kumpulan B40; dan
- 7.3** pengukuhan kedudukan Malaysia sebagai *Hub Fintech* bagi Kewangan Islam.



## PRINSIP PANDUAN 8

### PENDEKATAN EKONOMI KEPERLUAN

Pendekatan ekonomi keperluan bermaksud menekankan kepentingan pentakrifan dan pengklasifikasian demografi yang lebih menyeluruh supaya penggubalan dasar akan menjadi lebih efektif dan mampu menyasarkan kumpulan yang memerlukan bantuan daripada Kerajaan.

Kemiskinan tegar sudah hampir dibasmi di Malaysia. Walaupun begitu, terdapat keperluan untuk melihat semula takrifan kemiskinan tegar dengan mempertimbangkan penggunaan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) serta mengambil kira kemiskinan relatif untuk menilai tahap kemiskinan di Malaysia. Selain itu, data kumpulan miskin tegar, terpinggir dan rentan ekonomi perlu dinilai semula.

Berdasarkan laporan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2016, menunjukkan 80% daripada rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan untuk persaraan. Dapatan ini menuntut supaya kajian semula ke atas dasar dan pelaksanaan program bagi menambah baik dasar berkaitan ekonomi berasaskan keperluan khusus dalam menangani masalah kumpulan miskin, terpinggir dan rentan ekonomi.

Prinsip **Pendekatan Ekonomi Keperluan** menekankan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 8.1** pengukuhan program pendidikan dan keusahawanan;
- 8.2** pemantapan program kebajikan; dan
- 8.3** pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan, pembangunan perumahan mampu milik dan peningkatan akses kepada jaringan pengangkutan.



## PRINSIP PANDUAN 9

### EKONOMI POLITIK BERINSTITUSI

Ekonomi politik berinstitusi bermaksud wujudnya keseimbangan antara peranan pasaran dan Kerajaan dalam pembangunan ekonomi. Pendekatan ini mengharmonikan keperluan dan kehendak pelbagai pihak dalam ekosistem ekonomi merangkumi semua pihak berkepentingan termasuk pelabur, pengilang, pengedar, pemborong, peniaga, pengguna dan Kerajaan.

Peranan Kerajaan dalam pendekatan ekonomi politik berinstitusi, antaranya adalah melalui pemilikan saham dalam syarikat milik Kerajaan (SOE), penggubalan dasar serta penentuan keutamaan sektor perniagaan dan perdagangan. Ketiadaan dasar yang mengimbangi peranan Kerajaan dengan kehendak pasaran, mahupun peranan SOE dalam ekonomi akan menyebabkan ketidakseimbangan, monopoli dan jurang ekonomi yang semakin melebar.

Prinsip **Ekonomi Politik Berinstitusi** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 9.1** penggubalan dasar yang terkini dan relevan serta pewujudan dan pengembangan industri baharu muncul;
- 9.2** pembelbagaian pelaburan dan model perniagaan dalam industri strategik oleh SOE; dan
- 9.3** pemindahan dan adaptasi teknologi serta pemerksaan industri tempatan.



## PRINSIP PANDUAN 10

### MODEL KESEPADUAN SOSIAL

Model kesepaduan sosial bermaksud meningkatkan tahap kepercayaan rakyat terhadap satu sama lain tanpa mengira etnik dan agama. Model ini juga memberi penekanan untuk mempergiat penyertaan semua lapisan masyarakat dalam pembangunan sosial yang menyumbang kepada perpaduan rakyat dan keharmonian negara yang berkekalan. Peranan masyarakat sivil, pertubuhan keagamaan dan persatuan penduduk adalah penting dalam memperkasa modal sosial negara. Model kesepaduan sosial akan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara.

Kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang besar bagi meningkatkan taraf hidup golongan rentan. Inisiatif yang dilaksanakan memberi penyelesaian jangka masa pendek dan tidak meningkatkan taraf hidup golongan sasaran. Penyediaan peruntukan yang besar dan berpanjangan boleh menjejaskan kedudukan kewangan negara dan program berkenaan tidak boleh dilaksanakan secara mampan. Selain itu, pelaksanaan pelbagai inisiatif oleh agensi kerajaan adalah secara *in-silo* walaupun golongan sasar adalah yang sama.

Pengukuhan sistem sokongan sosial adalah penting kerana perkaitan yang jelas wujud di antara tahap kemakmuran sesebuah negara dengan kualiti kehidupan rakyat. Di samping itu, pemerkasaan golongan rentan dalam bentuk pendidikan dan latihan dapat memaksimumkan penyertaan golongan yang terpinggir dalam aktiviti kemasyarakatan bagi mengembangkan kebolehpayaan sosial dan ekonomi golongan tersebut.

Prinsip **Model Kesepaduan Sosial** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- IO.1** peningkatan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam melengkapkan penyampaian Kerajaan;
- IO.2** pengukuhan interaksi sosial di antara kumpulan agama, etnik, kawasan dan taraf sosioekonomi;
- IO.3** peningkatan produktiviti yang seimbang dengan kualiti kehidupan; dan
- IO.4** pemeliharaan kebajikan golongan rentan ekonomi.



## PRINSIP PANDUAN 11

### PAKSI EKONOMI ASIA

Paksi ekonomi Asia bermaksud usaha berterusan untuk membolehkan Malaysia membangunkan potensi ekonomi secara menyeluruh dan mampan serta mengekalkan kestabilan politik sehingga muncul sebagai Hub Ekonomi ASEAN dan Harimau Asia.

Unjuran secara kualitatif<sup>3</sup> menunjukkan bahawa pada tahun 2050, perkembangan ekonomi dunia akan beralih dari Eropah ke Asia terutama di Republik Rakyat China dan India. Namun begitu, Malaysia belum memanfaatkan peluang yang terhasil daripada peralihan ini, yang akan membolehkan negara menjadi Hub Ekonomi ASEAN dan mencapai matlamat menjadi Harimau Asia.

Selain itu, ASEAN dilihat sebagai hub pengeluaran dan perdagangan global yang berpotensi besar dan memiliki pasaran pengguna global yang paling cepat berkembang. Aspirasi ASEAN dalam membangun Komuniti Ekonomi ASEAN adalah untuk mencapai empat matlamat berikut:

- I platform tunggal pasaran dan pengeluaran ASEAN;
- II rantau berdaya saing tinggi;
- III pembangunan ekonomi yang saksama; dan
- IV integrasi penuh dengan ekonomi global.

Prinsip **Paksi Ekonomi Asia** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- II.1 pemantapan instrumen pembangunan menyeluruh ke arah pasaran ASEAN dan Asia;
- II.2 penembusan jenama dan harta intelek Malaysia ke pasaran ASEAN, Asia dan global;
- II.3 penggalakkan pelaburan asing dan pembangunan hub serantau ASEAN di Malaysia; dan
- II.4 peningkatan eksport dan penghasilan produk yang mempunyai nilai ditambah tinggi dalam industri hiliran ke pasaran Asia dan global.





## PRINSIP PANDUAN 12

### DEMOKRASI DAN KESTABILAN

Demokrasi dan kestabilan bermaksud menyuburkan amalan demokrasi dalam pentadbiran negara di samping mempertahankan kedaulatan negara dan meningkatkan kawalan serta pengawasan sempadan daripada sebarang ancaman. Pentadbiran negara adalah berlandaskan prinsip kedaulatan undang-undang yang menjamin hak kebebasan rakyat sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Keselamatan rakyat juga terus dilindungi menerusi penguatkuasaan undang-undang secara tegas dan adil.

Keutuhan sempadan dan kedaulatan negara adalah penting dalam memastikan Malaysia kekal aman, makmur dan stabil. Keadaan ini hanya akan dapat dikecapi apabila sesuatu dasar yang diperkenalkan mampu dihormati dan diterima oleh semua lapisan masyarakat. Dalam mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara, dasar yang digubal perlu memberi penekanan kepada aspek berikut:

- I** kedaulatan negara;
- II** keselamatan negara;
- III** kematangan rakyat;
- IV** pemilikan rasa tanggungjawab bersama (*ownership of shared responsibility*); dan
- V** keseimbangan hak dan tanggungjawab.

Demokrasi dan kestabilan bukan sahaja memelihara mandat institusi Kerajaan tetapi juga hak rakyat sebagai pengundi. Pengasingan kuasa dalam Kerajaan, iaitu kuasa pemerintah, perundangan dan kehakiman seharusnya lebih jelas dalam memainkan peranan masing-masing dalam memastikan dasar yang digubal adalah untuk keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara serta kemaslahatan rakyat.



Prinsip **Demokrasi dan Kestabilan** menekankan kepada keberhasilan seperti berikut:

- I2.1** pemeliharaan kedaulatan negara termasuk dalam menangani anasir subversif yang boleh menggugat jati diri negara bangsa;
- I2.2** pemeraksanaan keselamatan negara dalam semua aspek;
- I2.3** pengasingan kuasa yang jelas antara pemerintah, perundangan dan kehakiman; dan
- I2.4** pemupukan rasa tanggungjawab bersama dalam memelihara kestabilan negara.



## PRINSIP PANDUAN 13

### INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG BAIK

Integriti dan tadbir urus yang baik bermaksud melaksanakan tadbir urus yang baik dengan nilai integriti yang tinggi. Pentadbiran yang berintegriti akan meningkatkan kepercayaan rakyat kepada institusi awam dan swasta.

Tadbir urus boleh ditambah baik sekiranya dilaksanakan seiring dengan penerapan nilai integriti yang tinggi. Pengamalan nilai murni seperti amanah, jujur dan rasa tanggungjawab yang tinggi dalam melaksanakan tugas dapat mencegah ketirisan dan insiden rasuah, sekali gus meningkatkan kepercayaan rakyat kepada institusi Kerajaan.

Antara bidang utama yang perlu diberikan penekanan<sup>4</sup> dalam membentuk integriti dan tadbir urus yang baik adalah seperti berikut:

- I** tadbir urus politik;
- II** pentadbiran sektor awam;
- III** perolehan awam;
- IV** perundangan dan kehakiman;
- V** penguatkuasaan undang-undang; dan
- VI** tadbir urus korporat.

Pemeriksaan undang-undang adalah perlu bagi memastikan pelaksanaan dasar dapat ditadbir urus dengan baik dan menutup ruang ketirisan.

Prinsip **Integriti dan Tadbir Urus yang Baik** menekankan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 13.1** peningkatan kredibiliti sistem perundangan seiring dengan perubahan sosial;
- 13.2** pengukuhan akauntabiliti dan integriti; dan
- 13.3** peningkatan persepsi rakyat terhadap pentadbiran awam.

<sup>4</sup> *Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023, Jabatan Perdana Menteri*



## PRINSIP PANDUAN 14

### **PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN**

Perpaduan dalam kepelbagaian bermaksud usaha yang berterusan untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih menghargai dan menerima kepelbagaian latar belakang etnik, agama dan budaya di Malaysia, sekali gus menghayati konsep perpaduan nasional yang bertunjangkan pengiktirafan, penerimaan dan penghargaan terhadap kepelbagaian tersebut.

Trend global menunjukkan penyebaran ekstremisme yang meningkat sejak kebelakangan ini dan memuncak dengan beberapa gerakan politik yang memecahbelahkan perpaduan masyarakat Malaysia. Pemikiran ekstrem adalah berbahaya kepada realiti semasa berdasarkan trend pergerakan dunia yang rawak dan pantas, menghubungkan serta mencampuradukkan pelbagai fahaman dalam masyarakat.

Tanpa interaksi yang sihat, pergerakan dan percampuran ini mendorong kepada masalah perpaduan dalam masyarakat. Prinsip ini boleh dicapai dengan mengambil kira aspek berikut:

- I** landasan interaksi sosial;
- II** jati diri negara bangsa;
- III** keharmonian kepelbagaian ideologi; dan
- IV** keutamaan pembentukan negara bangsa.

Peluang dan ruang interaksi sosial yang lebih baik dan kondusif adalah pemangkin kepada perpaduan setiap lapisan masyarakat melangkaui perbezaan etnik, agama, lokaliti dan taraf sosioekonomi. Asas kepada interaksi ini adalah rasa hormat dan tolak ansur yang tinggi dalam kalangan rakyat. Dasar yang lebih kemas perlu disediakan untuk menyelesaikan polarisasi etnik dan ideologi serta membentuk jati diri negara bangsa. Antara langkah yang mustahak perlu diambil adalah dengan mewujudkan platform interaksi sosial yang boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat.

Prinsip **Perpaduan dalam Kepelbagaian** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- 14.1** penggalakkan interaksi sosial antara pelbagai lapisan masyarakat; dan
- 14.2** pembentukan masyarakat yang lebih cakna akan persamaan yang wujud dan keperluan untuk perpaduan yang utuh.



## PRINSIP PANDUAN 15

### KEDAULATAN DAN KELESTARIAN

Kedaulatan merujuk kepada usaha membina kemampuan negara untuk menampung keperluan rakyat dan memastikan jaminan bekalan makanan menerusi pemilikan sumber oleh negara dan entiti tempatan. Manakala kelestarian bermaksud usaha untuk memastikan pembangunan ekonomi sentiasa diiringi oleh usaha pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Malaysia perlu meningkatkan kemampuan dalam penghasilan sumber makanan secara sendiri dan berusaha untuk menambah baik aktiviti pertanian dan perladangan secara lestari. Pembangunan sosioekonomi yang dilaksanakan secara lestari hendaklah mengambil kira aspek pemeliharaan alam sekitar dan sumber semula jadi bagi memenuhi keperluan generasi masa kini dan masa hadapan.

Proses pembangunan pesat negara memberi tekanan kepada alam sekitar dan sumber semula jadi, antaranya melalui penerokaan hutan untuk pembinaan infrastruktur, pertanian, perladangan, perindustrian dan perumahan. Pembangunan yang tidak mengambil kira kemampuan alam sekitar akan mengakibatkan kewujudan fragmentasi habitat flora dan fauna yang menjejaskan keupayaan ekosistem kawasan hutan. Proses ini juga melibatkan peningkatan populasi penduduk di kawasan tertentu yang meningkatkan permintaan dan penggunaan sumber serta penghasilan sisa yang perlu diurus agar kelestarian alam sekitar dan sumber semula jadi tidak terjejas. Kegagalan mengurus sumber secara cekap akan meningkatkan persaingan terhadap sumber, menjejaskan daya saing dan bekalan serta mewujudkan kebergantungan kepada sumber luar.

Prinsip **Kedaulatan dan Kelestarian** memberi tumpuan kepada keberhasilan seperti berikut:

- I5.1** peningkatan pengeluaran sumber makanan tempatan;
- I5.2** pemeraksanaan undang-undang dalam sektor pertanian;
- I5.3** penggalakkan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian;
- I5.4** pematuhan kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA); dan
- I5.5** pemantapan aspek pemeliharaan alam sekitar dan sumber semulajadi dalam perancangan pembangunan.



# BAB 6

## Teras Strategik

Pengenalan

### **TERAS STRATEGIK 1**

Ekosistem Perniagaan & Industri

### **TERAS STRATEGIK 2**

Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)

### **TERAS STRATEGIK 3**

Modal Insan

### **TERAS STRATEGIK 4**

Pasaran Buruh & Pampasan Pekerja

### **TERAS STRATEGIK 5**

Kesejahteraan Sosial

### **TERAS STRATEGIK 6**

Keterangkuman Wilayah

### **TERAS STRATEGIK 7**

Modal Sosial

# Teras Strategik

## Pengenalan

Tujuh Teras Strategik (TS) dibangunkan sebagai kunci untuk menjayakan inisiatif WKB bagi mencapai tiga objektif utama, iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. Semua teras ini dibangunkan berlandaskan prinsip panduan yang memberi penekanan terhadap penggubalan dasar dan pelaksanaan program Kerajaan yang bertepatan dengan permasalahan yang membelenggu kehidupan rakyat, ekonomi dan sistem pentadbiran.



### TERAS STRATEGIK

## I

#### EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI

##### Contoh Sasaran:

- PKS dan perniagaan mikro menyumbang 50% kepada KDNK
- Mewujudkan 30% daripada jumlah syarikat PKS dalam bidang teknologi tinggi yang intensif dalam subsektor pembuatan dan perkhidmatan
- Sekurang-kurangnya 20% PKS Bumiputera dalam setiap subsektor berintensifkan teknologi tinggi
- PKS Bumiputera menyumbang sebanyak 20% kepada KDNK



### TERAS STRATEGIK

## 2

#### AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA (KEGA)

##### Contoh Sasaran:

- Pelaburan dalam jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan
- Sumbangan subsektor berteknologi tinggi kepada sektor berkaitan meningkat:
  - Pembuatan: 50%
  - Perkhidmatan: 30%
- Malaysia membangunkan aktiviti baharu utama yang kukuh seperti berikut:
  - Hub Kewangan Islam 2.0
  - Komoditi Malaysia 2.0
  - Tenaga Boleh Baharu
  - Pusat Kecemerlangan
  - Ekonomi Hijau
  - Hub ASEAN





TERAS  
STRATEGIK

3

### MODAL INSAN

#### Contoh Sasaran:

- 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga
- Majoriti tenaga kerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan sektor ekonomi masa hadapan adalah Bumiputera
- 40% latihan HRDF merupakan kemahiran yang berkait dengan 4IR
- Sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET
- Penawaran program di universiti dan institut latihan akan diselaras dengan kehendak dan keperluan industri
- Meningkatkan pekerja tempatan dan Bumiputera dalam pengurusan dan profesional MNC



TERAS  
STRATEGIK

4

### PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA

#### Contoh Sasaran:

- Pasaran buruh Malaysia bebas daripada diskriminasi ke atas umur, gender, etnik dan agama
- Purata kenaikan gaji kepada  $\frac{1}{4}$  nilai produktiviti meningkat setiap tahun
- Tindakan sabotaj ekonomi dan diskriminasi ditangani
- Meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh selari dengan kualiti teknologi dalam industri mengikut sektor
- Pengurangan jumlah pekerja asing dengan melaksanakan ambang mengikut sektor tenaga kerja
- Meningkatkan sumbangan bahagian pampasan pekerja (CE) Bumiputera kepada KDNK



TERAS  
STRATEGIK

5

### KESEJAHTERAAN SOSIAL

#### Contoh Sasaran:

- Kesamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit
- Mengukur tahap kemiskinan menggunakan kemiskinan relatif
- Membina pusat jagaan harian di setiap lokaliti
- Nilai rumah mampu milik berdasarkan kos pembelian rumah berjumlah 30% daripada pendapatan penengah isi rumah di Malaysia



## TERAS STRATEGIK

# 6

### KETERANGKUMAN WILAYAH

#### Contoh Sasaran:

- Sistem pengangkutan awam bersepadu antara bandar ke desa
- 10 syarikat tersenarai (separuh daripada mereka adalah syarikat Bumiputera) di setiap negeri membangun
- Mengurangkan perbezaan pendapatan antara wilayah 0.5 kali
- Penilaian semula kuantiti dan kualiti tanah rizab Melayu
- Pengenalan wilayah panas ekonomi baharu khususnya di kawasan di luar Lembah Klang
- Memastikan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kritikal Negara (hospital, sekolah, jambatan) dipenuhi



## TERAS STRATEGIK

# 7

### MODAL SOSIAL

#### Contoh Sasaran:

Mencapai peningkatan positif bagi indeks berikut:

- Indeks Perpaduan
- Petunjuk Integriti dan Anti Rasuah
- Indeks Keharmonian Agama
- Indeks Perubahan Alam Sekitar dan Iklim
- Indeks Anti Dadah
- Indeks Pencegahan Jenayah
- Indeks Keharmonian Kejiranan
- Indeks Kesihatan Rakyat
- Indeks Kesejahteraan Keluarga

---

## KEBERHASILAN BUMIPUTERA TERANGKUM DALAM SEMUA TERAS STRATEGIK



## TERAS STRATEGIK 1

### **EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI**

Pertumbuhan ekonomi di Malaysia pada dasarnya masih kukuh dan memberangsangkan. Indikator ekonomi seperti keluaran dalam negeri kasar (KDNK), pendapatan negara kasar (PNK) dan insiden kemiskinan menunjukkan trend yang positif. Namun begitu, masih banyak penambahbaikan yang perlu dilaksanakan termasuk penstrukturan semula ekosistem perniagaan dan industri bagi mencapai status negara maju.

#### **I.I LATAR BELAKANG**

Penstrukturan ekosistem perniagaan dan industri ditakrifkan sebagai proses mengimbangkan semula secara saksama ekosistem perniagaan dan industri. Penstrukturan ini melibatkan inisiatif untuk memperkasa dan meningkatkan daya saing serta kerjasama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan syarikat besar. Di samping itu, proses ini melibatkan inisiatif meningkatkan kemampuan PKS sejajar dengan kehendak pasaran semasa.

Penstrukturan ini adalah penting memandangkan terdapat jurang yang besar antara PKS dengan syarikat besar tempatan dan multinasional. Jurang yang wujud adalah seperti tahap penggunaan teknologi serta kemampuan meneroka industri baharu dan meningkatkan produktiviti.

Teras Strategik ini akan menyokong ekosistem perniagaan dan industri supaya menjadi lebih produktif melalui peningkatan kadar penggunaan teknologi dan peluasan pelaburan PKS dalam industri baharu muncul. Ekosistem yang lebih produktif ini membolehkan PKS menghasilkan produk bernilai ditambah lebih tinggi dan mencapai piawaian antarabangsa serta mencipta pekerjaan berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, pendapatan pengusaha PKS juga disasarkan akan meningkat.

## I.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA

Penggunaan teknologi oleh PKS adalah masih rendah dan terhad kepada penggunaan komputer untuk urusan pentadbiran. Kajian oleh SME Corp<sup>1</sup> mendapati bahawa 79.7% pengusaha PKS menyedari kepentingan penggunaan teknologi digital untuk pengendalian operasi utama perniagaan tetapi masih kurang diaplikasikan. Kadar penggunaan teknologi digital seperti *Customer Relation Management* (CRM) dan *Enterprise Resource Planning* (ERP) masih rendah, masing-masing sebanyak 12.5% dan 10.5%. Penemuan kajian tersebut membuktikan bahawa produktiviti PKS yang menggunakan teknologi digital bagi mengendalikan operasi perniagaan telah meningkat sehingga 60%.

Syarikat besar tempatan dan syarikat multinasional (MNC) kurang melibatkan PKS dalam rangkaian pengeluaran memandangkan kebanyakan input yang diperlukan boleh diperolehi melalui import atau syarikat bersaiz besar yang lain. Jaringan kerjasama antara PKS dengan syarikat besar dalam sesuatu industri masih lemah menyebabkan peningkatan permintaan tidak memberi faedah secara langsung kepada PKS. Kerjasama antara syarikat besar tempatan dan MNC dengan PKS akan dipergiat bagi meningkatkan lagi sumbangan PKS kepada ekonomi.

Kapasiti perusahaan Bumiputera masih lagi kecil. Sumbangan PKS Bumiputera kepada KDNK negara kurang daripada 9%, manakala nilai ditambah PKS Bumiputera adalah satu pertiga daripada sumbangan PKS bukan Bumiputera<sup>1</sup>. Manakala bilangan PKS Bumiputera pula masih rendah, iaitu 39% berbanding 57% PKS bukan Bumiputera<sup>2</sup>. Kedudukan ini menunjukkan bahawa usaha melonjakkan kemampuan PKS Bumiputera masih perlu diperbaiki. Justeru, pengukuhan kapasiti perusahaan Bumiputera dalam penghasilan barangan dan perkhidmatan perlu dilaksanakan dalam usaha untuk mengimbangi dan menyelaraskan ekosistem perniagaan dan industri di Malaysia.

## I.3 CADANGAN STRATEGI

Penstrukturan semula ekosistem perniagaan dan industri menggariskan 14 cadangan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenal pasti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- I** mengenal pasti dan memeta syarikat peneraju dalam rantaian bekalan perniagaan dan industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi bagi membolehkan PKS menceburi industri hiliran berkaitan;
- II** mempergiat kerjasama syarikat besar dengan PKS melalui persatuan perniagaan berasaskan kluster industri dengan menggalakkan syarikat besar menggunakan input, produk atau perkhidmatan daripada PKS;
- III** memperkukuh rantaian bekalan serta membangunkan vendor PKS untuk memacu pertumbuhan PKS;
- IV** mengkaji, merasionalisasi dan menambah baik program pembangunan keusahawanan termasuk membantu perusahaan Bumiputera agar lebih berdaya saing;
- V** meningkatkan penglibatan usahawan kecil dan rintis dalam ekonomi digital yang menghasilkan produk inovasi dan harta intelek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi;
- VI** memperluas aktiviti pembuatan dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi;
- VII** membangunkan program yang menyeluruh merangkumi semua peringkat dalam membudayakan teknologi dan automasi selari dengan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dalam penghasilan inovasi baharu;
- VIII** membangunkan platform perkongsian maklumat mengenai syarikat, produk dan perkhidmatan secara dalam talian bagi memastikan perusahaan sedia ada dan baharu kekal relevan dalam pasaran;
- IX** memperkukuh inovasi bagi penghasilan produk berasaskan kandungan tempatan bagi mewujudkan lebih banyak peluang dan jenama baharu melalui sokongan penyelidikan dan pembangunan serta kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi dan pusat penyelidikan;
- X** memperkukuh tadbir urus dana awam berkaitan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi memastikan pulangan pelaburan yang lebih baik;
- XI** mempertingkatkan pelaksanaan program perkongsian pengetahuan dan pemindahan teknologi;

- XII** memberi tumpuan kepada pelaburan yang lebih berkualiti terutama dalam peralatan teknologi maklumat dan komunikasi serta jentera dan peralatan lain;
- XIII** menyemak semula insentif supaya lebih bersasar dan berasaskan produktiviti; dan
- XIV** memperluas dan menambah baik program pembangunan rantaian bekalan tempatan.



## TERAS STRATEGIK 2

### AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA (KEGA)

Sektor yang mempunyai potensi untuk berkembang dengan pesat perlu dikenal pasti bagi memacu pembangunan ekonomi masa hadapan. Dengan adanya sektor ini, usaha Kerajaan untuk memacu perkembangan ekonomi akan dilaksanakan melalui inisiatif berpusat sekali gus membangunkan ekosistem di sepanjang rantai bekalan. Cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) tidak akan mengabaikan pembangunan aktiviti ekonomi sedia ada seperti minyak dan gas, perkilangan, barangan elektrik dan elektronik serta perkhidmatan lain. Sebanyak 15 cadangan KEGA telah dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan.

#### 2.1 LATAR BELAKANG

KEGA ditakrifkan sebagai aktiviti ekonomi masa hadapan yang menunjukkan potensi untuk pertumbuhan yang pesat sejajar dengan kehendak negara bagi mencapai pembangunan ekonomi yang bernilai tinggi.

Penumpuan kepada industri baharu muncul adalah sangat wajar dilaksanakan. Pada masa ini, operasi perniagaan masih menggunakan model ekonomi konvensional yang terlalu bergantung kepada perdagangan komoditi mentah dan produk yang tidak mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Selain itu, aktiviti mempelbagaikan industri lebih cenderung kepada penerokaan aktiviti baharu yang tidak berkaitan berbanding menumpukan kepada aktiviti teras.

Bagi menangani isu ini, tumpuan terhadap pembangunan aktiviti ekonomi yang baharu adalah sangat bersesuaian dengan matlamat untuk memperluas spektrum perniagaan di Malaysia. Dengan adanya beberapa sektor terpilih yang menunjukkan potensi pembangunan dalam persekitaran ekonomi negara dan serantau, dasar sedia ada perlu ditambah baik di samping penggubalan dasar baharu bagi disesuaikan dengan matlamat pertumbuhan industri dan perniagaan yang disasarkan.

Teras Strategik ini akan memastikan aktiviti ekonomi beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan berpaksikan pengetahuan serta mewujudkan ekosistem perindustrian dan perniagaan yang seimbang dan modal insan berkemahiran. Beberapa cadangan aktiviti yang disasarkan adalah:

- 2.1.1** memberi tumpuan pembangunan industri melalui pelaksanaan dasar secara bersepadu;
- 2.1.2** menggalakkan pelaburan yang bernilai tinggi dan mampan;
- 2.1.3** membangunkan ekosistem aktiviti yang lebih holistik; dan
- 2.1.4** meningkatkan kualiti pemantauan keberhasilan.

## **2.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA**

Masih terdapat program pembangunan yang dilaksanakan secara *in-silo*, tidak bersepadu dan kurang berkesan. Dalam merangka program pembangunan yang holistik, cabaran paling utama adalah untuk menganalisis kemampuan industri di Malaysia berdasarkan ketersediaan dan ketepatan data bagi setiap industri.

Selain daripada cabaran untuk menjangkakan keperluan dan persaingan masa hadapan, kekurangan data yang bersesuaian juga memberi implikasi dalam memahami industri kurang relevan pada masa ini dan perlu diperbaharui. Sebagai contoh, perkhidmatan teksi kini berhadapan dengan cabaran perkhidmatan *e-hailing* yang menyediakan perkhidmatan lebih cekap dengan kos yang lebih rendah. Perkara ini mengakibatkan ketegangan dalam kalangan pengusaha teksi dengan pihak berkepentingan berikutan pendapatan mereka terjejas.



## 2.3 CADANGAN STRATEGI

KEGA yang dipilih akan menjadi keutamaan dan penekanan baharu dalam menjana pertumbuhan penting dan memberi sumbangan kepada PNK pada masa hadapan. Aktiviti KEGA akan ditambah baik dari semasa ke semasa, bergantung kepada pencapaian setiap aktiviti. Proses penilaian akan dilaksanakan bagi memastikan setiap aktiviti yang dipilih berdaya saing dan mampan.

Pada masa ini, sebanyak 15 aktiviti KEGA telah dipilih sebagai cadangan awal seperti berikut:

KEGA	ASAS PERTIMBANGAN
<b>KEGA 1:</b> Hub Kewangan Islam 2.0 - (Gelombang kedua / <i>Fintech</i> )	Malaysia pernah menerajui gelombang pertama perbankan Islam pada tahun 1990-an. Industri ini telah berkembang dengan pesat dan mewujudkan persaingan yang sihat. Malaysia harus sekali lagi menerajui gelombang kedua perbankan Islam dengan mengadaptasi <i>Fintech</i> digital yang mula berkembang.
<b>KEGA 2:</b> Ekonomi Digital - ( <i>Cashless</i> , <i>Disruptors</i> , <i>Platformisation</i> dan <i>Fintech</i> )	Penggunaan ekonomi digital semakin berkembang pesat pada peringkat global. Malaysia masih lagi mempunyai peluang untuk menguasai industri ini dan bukan sekadar menjadi negara pengguna. Pemilikan, pembuatan, inovasi, sokongan dana, harta intelek dan penyelidikan lebih mendalam akan dijalankan dalam aktiviti ini.
<b>KEGA 3:</b> Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) - (Pembuatan, Pembekalan dan Perkhidmatan)	Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) termasuk dalam aktiviti data raya, kecerdasan buatan, <i>augmented reality</i> (AR), <i>machine learning</i> dan lain-lain. Malaysia perlu merebut peluang dalam 4IR. Kerajaan akan menyediakan ekosistem yang kondusif untuk melahirkan pengeluar, pencipta, pembekal dan penyedia perkhidmatan bagi industri ini dalam pasaran ASEAN.

<p><b>KEGA 4:</b> Industri Kandungan - (Animasi, Pengaturcaraan, Hiburan, Budaya dan Digitalisasi)</p>	<p>Beberapa syarikat dan bakat dalam aktiviti animasi negara telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Potensi ini boleh dikembangkan lagi dengan pemudahcaraan, penyediaan dana modal dan pewujudan ekosistem yang bertepatan dengan aktiviti industri kandungan seperti animasi, pengaturcaraan, hiburan, budaya dan digitalisasi.</p>
<p><b>KEGA 5:</b> Hub ASEAN</p>	<p>Malaysia berpotensi memperluas pasaran barangan dan perkhidmatan kepada 600 juta pengguna di rantau ASEAN. Untuk memudah cara keperluan ini, Malaysia harus bermula dengan menyediakan peluang kepada syarikat tempatan dan asing untuk beroperasi sebagai Hub ASEAN. Sebanyak 12 bidang/aktiviti yang berpotensi dibangunkan sebagai Hub ASEAN, iaitu (i) logistik; (ii) kewangan berteknologi dan kewangan Islam berteknologi; (iii) perundangan dan arbitrase; (iv) industri halal; (v) sumber manusia berkepakaran; (vi) platform digital; (vii) perdagangan maritim; (viii) gaya hidup ASEAN; (ix) industri kandungan animasi dan digital; (x) pelancongan Asia; (xi) pelancongan kesihatan; dan (xii) pasaran dagangan gas.</p>
<p><b>KEGA 6:</b> Hub Halal dan Makanan</p>	<p>Usaha untuk mengembangkan industri halal di Malaysia telah bermula sejak dua dekad yang lalu. Pensijilan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah piawaian pengiktirafan halal yang diterima secara global dan mempunyai nilai komersial yang sangat tinggi. Malaysia juga merupakan negara pengeluar makanan proses yang diterima baik dari aspek kebersihan dan sanitasi. Gabungan sebagai penyedia perkhidmatan dan pengeluaran produk halal mampu meningkatkan potensi industri halal Malaysia untuk berkembang dengan lebih meluas.</p>

<p><b>KEGA 7:</b> Komoditi Malaysia 2.0</p>	<p>Malaysia masih bergantung kepada perdagangan komoditi mentah yang tidak mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta kurang menghasilkan peluang dan produk baharu. Kegiatan penyelidikan, inovasi, pembiayaan dan pemudahcaraan harus disediakan untuk menghasilkan produk hiliran daripada komoditi tradisional negara supaya dapat menjana nilai ditambah, pulangan dan pengembangan industri baharu negara.</p>
<p><b>KEGA 8:</b> Pengangkutan, Logistik dan Mobiliti Lestari (PLML)</p>	<p>Sistem pengangkutan yang berintegrasi, mampan dan berkemampuan yang lengkap adalah satu keutamaan bagi mengurangkan bebanan rakyat serta merencanakan pembangunan. Cadangan Pengangkutan, Logistik dan Mobiliti Lestari (PLML) yang akan diintegrasikan dengan Rancangan Fizikal Negara dan dasar yang berkaitan dengan maritim bakal menjadi suatu perancangan yang holistik dan mampan. Penggunaan teknologi hijau, rendah karbon dan pengurusan trafik yang strategik akan membantu kebolehcapaian pusat logistik dan pewujudan pusat ekonomi baharu seperti industri aeroangkasa, automotif, kenderaan tanpa pemandu (<i>autonomous vehicle</i>), pembinaan dan pembaikan kapal.</p>
<p><b>KEGA 9:</b> Ekonomi Pesisiran dan Maritim (Laut Antarabangsa)</p>	<p>Ekonomi pesisiran dan maritim masih tidak dimanfaatkan sepenuhnya melainkan dalam aktiviti pelancongan hotel mewah pesisir, perikanan dan penyediaan industri sokongan kepada industri logistik negara. Kawasan pesisiran pantai dan maritim Malaysia yang luas dan strategik boleh dibangunkan sebagai pusat ekonomi baharu di samping mengimbangi pemuliharaan sumber alam.</p>

<p><b>KEGA 10:</b> Pusat Kecemerlangan (<i>Centre of Excellence</i>)</p>	<p>Pusat kecemerlangan (COE) tidak memberi keuntungan yang besar dan segera. Namun, kewujudan COE akan memberi kesan kepada perkembangan penyelidikan dan inovasi, pembangunan dan latihan kemahiran baharu, penambahan tenaga kerja mahir dan profesional, peningkatan adaptasi dan pemindahan teknologi. Pengembangan COE pada peringkat ASEAN yang mempunyai standard global akan meningkatkan kepercayaan pelabur untuk memilih Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan. COE ASEAN boleh mempelopori bidang seperti pembangunan animasi, teknologi dan perkhidmatan pencegahan rasuah. COE sedia ada seperti Penang Skills Development Centre (PSDC) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) boleh dikembangkan. COE akan ditambah bagi memberi tumpuan kepada industri masa hadapan seperti nano-teknologi, 4IR dan ekonomi digital.</p>
<p><b>KEGA 11:</b> Tenaga Boleh Baharu (TBB)</p>	<p>Sumbangan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam penjanaan elektrik telah disasarkan sebanyak 20% pada tahun 2025. Malaysia berpotensi melonjak jauh ke hadapan dalam aktiviti ini dengan memudah cara penggunaan teknologi yang lebih baharu, mewujudkan lokaliti rintis (<i>pilot locality</i>) dan menyediakan dana penjanaan TBB. Antara contoh terkini dalam aktiviti TBB termasuk hidro mini, solar, <i>algae</i>, biomas, biogas dan sisa buangan perbandaran.</p>
<p><b>KEGA 12:</b> Ekonomi Hijau</p>	<p>Ekonomi Hijau menjadi trend global dan diterima oleh masyarakat yang lebih berpengetahuan dengan memberi penekanan kepada aktiviti</p>

	<p>berkarbon rendah, sumber efektif dan inklusiviti. Ekonomi Hijau merangkumi aktiviti seperti bangunan hijau, pengangkutan dan mobiliti lestari, kedaulatan dan jaminan bekalan makanan, tenaga dan lautan, produk gantian plastik, bandar pintar dan lestari, pembangunan persisir yang mampan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, teknologi adaptasi iklim dan pertanian organik. Ekonomi Hijau juga merujuk kepada pembentukan sebuah ekonomi kitaran yang mampu beroperasi tanpa sisa buangan.</p>
<p><b>KEGA 13:</b> Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi</p>	<p>Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi merujuk kepada penggunaan dan pengintegrasian teknologi tinggi yang mesra alam sekitar secara lebih meluas dalam aktiviti pertanian untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tanaman. Pada masa yang sama, pertanian pintar dapat meningkatkan produktiviti sektor pertanian di samping mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing. Sebagai contoh, <i>drone</i> boleh digunakan untuk menyembur racun serangga dan memantau hasil tanaman, sensor dan <i>Internet of Things</i> (IoT) untuk menganalisis kesesuaian tanah. Keberkesanan pertanian pintar boleh diperkukuh dengan penggunaan automasi, aplikasi pertanian tepat dan pertanian vertikal.</p>
<p><b>KEGA 14:</b> Perkhidmatan Termaju dan Moden</p>	<p>Sektor perkhidmatan merupakan sektor terbesar di Malaysia. Sehubungan itu, proses pemodenan dan juga mempelbagaian sektor ini perlu seiring dengan kemajuan teknologi dan permintaan pasaran semasa. Penekanan terhadap subsektor seperti perkhidmatan alam sekitar, perkhidmatan profesional dan perkhidmatan teknologi akan</p>

	<p>menjadi pemangkin kepada peningkatan nilai ditambah yang lebih tinggi bagi sektor perkhidmatan. Selain itu, penyediaan perkhidmatan yang sesuai dengan industri masa hadapan akan menjadikan Malaysia pilihan utama bagi pelabur.</p>
<p><b>KEGA 15:</b>  <b>Pelancongan:</b>  <i>Malaysia Truly Asia</i></p>	<p>Aktiviti pelancongan memberi pulangan yang besar kepada negara. Namun, masih terdapat banyak ruang dalam aktiviti ini yang boleh dikembangkan. Pengembangan ini boleh dilaksanakan menerusi pengintegrasian pelbagai aktiviti pelancongan seperti agropelancongan dan ekopelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan warisan dan konsep pelancongan berasaskan pengalaman. Secara amnya, aktiviti pelancongan ini akan menggalakkan usaha untuk memperkukuh kandungan dan perniagaan tempatan, memanfaatkan pemuliharaan alam sebagai sumber pelancongan, memperhebat perkhidmatan kesihatan dan menyemarakkan kepelbagaian budaya sebagai tarikan kepada pelancong. Malaysia dilihat masih belum memanfaatkan sepenuhnya potensi industri pelancongan ini.</p>

Selain daripada pelaksanaan 15 KEGA sebagai aktiviti ekonomi masa hadapan, industri sedia ada akan terus diperkukuh menerusi tiga strategi utama. Strategi pertama adalah mempelbagaikan aktiviti dan memperluaskan kawasan bagi memastikan sektor komoditi, pertanian dan pembinaan terus berkembang merentasi wilayah dan negeri. Pada masa ini, ketiga-tiga sektor tersebut menghadapi pertumbuhan yang mendatar dan tidak berkembang serta dalam kategori nilai ditambah yang rendah. Strategi ini juga akan berfungsi dalam mengenal pasti kawasan titik tumpuan ekonomi yang berpotensi untuk dibangunkan dan memudahkan perancangan pembangunan di kawasan berkenaan.



Strategi kedua adalah untuk mempertingkatkan peranan syarikat milik kerajaan (SOE) dalam pelaburan dan sebagai peneraju inisiatif KEGA, sekali gus mengurangkan penglibatan SOE yang memberi persaingan kepada syarikat PKS dan perniagaan tempatan yang lain. SOE akan memimpin PKS dan mengaktifkan Program Pembangunan Vendor (PPV) untuk lebih bersedia menerima pelaburan serantau dan antarabangsa.

Strategi ketiga adalah untuk memperkukuh penglibatan sektor swasta dalam pembangunan industri di Malaysia. Pihak swasta digalakkan supaya berperanan sebagai peneraju bagi menggerakkan pertumbuhan industri termasuk pengendalian PPV. Dengan ini, syarikat besar akan membantu pengembangan PKS sekali gus memperkukuh rantaian nilai perniagaan di Malaysia. Usaha ini juga akan mempercepat proses peralihan industri kepada industri berteknologi tinggi dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Sektor swasta juga digalakkan untuk menyediakan latihan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula kepada pekerja sedia ada serta latihan kemahiran asas kepada bakal pekerja. Pada masa ini, sebanyak 72.8% daripada keseluruhan guna tenaga semasa adalah terdiri daripada pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah.





## TERAS STRATEGIK 3

### **MODAL INSAN**

Transformasi modal insan merupakan usaha untuk meningkatkan kemampuan tenaga kerja di Malaysia melalui program yang bertumpu kepada latihan profesional dan latihan semula tenaga kerja. Usaha ini akan dilaksanakan pada setiap peringkat, iaitu daripada peringkat sekolah hingga ke alam pekerjaan.

#### **3.1 LATAR BELAKANG**

Modal insan berpengetahuan dan berkemahiran serta berinovatif merupakan faktor penting yang menyokong pembangunan negara. Menyedari kepentingan modal insan, teras strategik ini dibangunkan bagi meningkatkan kemampuan tenaga kerja melalui program yang bertumpu kepada latihan profesional, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula.

Pada masa ini, pembangunan modal insan negara berhadapan dengan cabaran untuk merapatkan jurang antara pengetahuan, kemahiran dan sikap graduan dengan keperluan industri. Jurang ini juga telah mewujudkan ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh. Selain itu, pelaksanaan latihan dan kemahiran oleh pelbagai institusi awam, swasta dan pusat pembangunan kemahiran negeri mengakibatkan landskap pendidikan dan latihan negara tidak terselaras.

Transformasi modal insan yang dinyatakan dalam strategi ini akan mewujudkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran dan seterusnya meningkatkan produktiviti negara. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan kualiti pendidikan dan latihan serta pengukuhan kerjasama antara penyedia latihan, pihak industri dan badan profesional bagi memenuhi keperluan pasaran.



### 3.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA

Terdapat jurang antara pengetahuan, kemahiran dan sikap graduan dengan keperluan industri. Jurang ini mewujudkan ketidakpadanan di antara permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Ketidakpadanan ini menyukarkan graduan mendapat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan.

Ketidakpadanan ini juga merangkumi penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh. Berdasarkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11, sebanyak 112,300 tawaran pekerjaan bagi kategori pekerjaan mahir berbanding dengan bilangan siswazah yang dikeluarkan sebanyak 306,808 orang pada tahun 2017.

Selain itu, landskap pendidikan dan latihan tidak terselaras disebabkan program tersebut ditawarkan oleh pelbagai institusi awam, swasta dan pusat pembangunan kemahiran negeri. Terdapat program yang ditawarkan mempunyai kesamaan tetapi piawaian yang berbeza dan kekurangan bidang pengkhususan.

### 3.3 CADANGAN STRATEGI

Transformasi modal insan menggariskan empat cadangan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenal pasti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- I** memperkukuh dan memperluas kerjasama antara penyedia latihan dan industri serta badan profesional dalam penentuan kurikulum dan kursus pendidikan latihan yang memenuhi keperluan industri;
- II** memperkukuh mekanisme pengawalan kualiti bagi memastikan program akademik mematuhi piawaian kualiti akreditasi dan pengiktirafan;
- III** menggalakkan sektor swasta menyediakan latihan peningkatan kemahiran kepada pekerja sedia ada dan latihan industri yang bersesuaian kepada bakal graduan; dan
- IV** memupuk minat pelajar sekolah menerusi program kaunseling kerjaya bagi mengikuti program dalam bidang kritikal yang dikenal pasti berdasarkan senarai pekerjaan kritikal.



## TERAS STRATEGIK 4

### **PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA**

Kecekapan pasaran buruh merupakan faktor penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara. Usaha untuk menyelaras pengagihan keuntungan korporat perlu dilaksanakan agar pekerja mendapat gaji dan upah yang setimpal dengan produktiviti. Penstrukturan semula gaji diperlukan agar pekerja dapat menikmati taraf hidup yang baik dan bermaruah. Usaha ini turut melibatkan pengurangan kebergantungan industri terhadap pekerja asing dan menggalakkan pengambilan pekerja tempatan.

#### **4.1 LATAR BELAKANG**

Penguksuhan pasaran buruh dan peningkatan pampasan pekerja ditakrifkan sebagai usaha untuk menyelaraskan pengagihan keuntungan korporat atau kendalian kasar agar pekerja mendapat pampasan yang setimpal dengan produktiviti. Penstrukturan tangga gaji supaya setaraf dengan kelayakan perlu dilaksanakan bagi menarik minat warga tempatan memasuki alam pekerjaan, seterusnya dapat menikmati taraf hidup yang wajar. Di samping itu, langkah ini akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Peralihan pekerja asing dalam pekerjaan kategori *Dirty, Dangerous, Difficult* (3D) kepada pekerjaan dalam sektor lain secara tidak sah telah memberi kesan kepada pekerja tempatan. Permasalahan dalam kecekapan pasaran buruh juga wujud memandangkan industri masih mengekalkan operasi berintensifkan buruh. Selain itu, tawaran gaji dan upah yang lebih tinggi di luar negara telah mendorong warga tempatan berhijrah keluar untuk mendapatkan pekerjaan di negara berkenaan.

Teras Strategik ini akan memperkukuh pasaran buruh dan meningkatkan pampasan pekerja serta hak pekerja tempatan di Malaysia. Pekerja juga mampu menjana pendapatan yang mencukupi untuk menikmati taraf hidup yang wajar.

## 4.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA

Warga asing yang memasuki negara untuk bekerja dalam pekerjaan kategori 3D telah beralih secara tidak sah kepada pekerjaan dalam sektor lain. Peralihan ini telah memberi tekanan kepada penawaran gaji dan upah yang lebih rendah lalu menyekat peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Majikan lebih terdorong mengupah dan menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan kerana dapat meminimumkan kos operasi.

Industri masih mengekalkan operasi berintensifkan buruh memandangkan peralihan kepada operasi berasaskan teknologi memerlukan pelaburan yang tinggi. Di samping itu, peralihan ini akan memberi bebanan kepada industri untuk melabur dalam penggunaan peralatan teknologi yang bersesuaian, menyediakan program latihan kemahiran kepada pekerja dan menambah baik operasi perniagaan.

Permintaan pekerja berkemahiran yang rendah di dalam negara serta tawaran gaji dan upah yang lebih tinggi di luar negara telah mendorong warga tempatan berhijrah keluar untuk mendapatkan pekerjaan di negara berkenaan. Keadaan ini telah mengakibatkan pengaliran keluar pekerja tempatan yang berkemahiran dan seterusnya menjejaskan kecekapan pasaran buruh dalam negara.

## 4.3 CADANGAN STRATEGI

Teras strategik berkenaan pengukuhan pasaran buruh dan peningkatan pampasan pekerja ini menggariskan tujuh cadangan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenal pasti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- I** mengkaji semula dasar gaji dan upah minimum dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan;
- II** memperluas pelaksanaan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS);



- III** mengkaji semula peraturan pengambilan pekerja asing, penetapan sektor yang dibenarkan untuk menggaji pekerja asing termasuk sistem pendaftaran;
- IV** memperkenalkan dan menguatkuasa sistem pembayaran gaji kepada pekerja asing melalui institusi kewangan berdaftar untuk memperkemas pemantauan dan pengurusan pekerja asing;
- V** menambahbaik mekanisme penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pekerja asing bagi memastikan mereka tidak keluar dari sektor dan pekerjaan yang dibenarkan;
- VI** mengkaji semula insentif penggalakan pelaburan tempatan termasuk insentif berkaitan percukaian; dan
- VII** memperluas pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), penggunaan teknologi dalam operasi pengeluaran dan pembangunan tenaga kerja.



## TERAS STRATEGIK 5

### KESEJAHTERAAN SOSIAL

Kesejahteraan sosial adalah untuk memastikan kebajikan semua kelompok masyarakat di Malaysia akan dilindungi, terutama golongan yang dikategorikan sebagai rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40.

#### 5.1 LATAR BELAKANG

Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 16.5% pada tahun 1989 kepada 0.4% pada tahun 2016. Namun begitu, masih terdapat poket kemiskinan dalam kalangan rakyat serta kumpulan isi rumah yang tidak mempunyai simpanan mencukupi sekali gus menjadikan golongan ini rentan ekonomi.

Golongan rentan ekonomi ini juga terjejas berikutan jaringan keselamatan sosial yang disediakan masih tidak menyeluruh. Selain itu, pangkalan data berkaitan bantuan yang pelbagai telah mengakibatkan isi rumah kumpulan B40 terjejas dan tidak mendapat bantuan yang sepatutnya.

Pemeriksaan golongan rentan ekonomi di Malaysia perlu diutamakan sebagai kaedah untuk mengatasi masalah kemiskinan dan sosial yang timbul akibat kekangan dan tekanan kewangan. Peranan Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat perlu diperkasa secara meluas merangkumi segenap lapisan agar tiada golongan tercicir daripada aktiviti ekonomi.

#### 5.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA

Kemiskinan masih menjadi salah satu isu yang perlu ditangani kerana poket kemiskinan masih wujud dalam kalangan rakyat. Kebanyakan isi rumah miskin mempunyai satu punca pendapatan, berpendidikan rendah dan tidak bekerja dalam sektor formal. Di samping itu, penentuan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia yang digunakan adalah berdasarkan metodologi tahun 2005. Model ini tidak menggambarkan corak penggunaan dan keperluan serta demografi semasa isi rumah.

Jaringan keselamatan sosial yang masih tidak menyeluruh memberi kesan kepada golongan rentan ekonomi. Berdasarkan laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2017, hampir separuh daripada rakyat Malaysia tidak mampu mengeluarkan RM1,000 dalam keadaan kecemasan. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat rakyat, terutama kumpulan isi rumah B40 tidak mampu untuk menyimpan wang kerana kadar pertumbuhan perbelanjaan isi rumah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan pendapatan.

Pembahagian kategori kumpulan isi rumah khususnya kumpulan B40 yang terlalu besar dan tidak diperincikan mengikut keperluan isi rumah menyukarkan Kerajaan untuk menentukan jenis bantuan yang perlu disalurkan berdasarkan keperluan. Selain itu, pangkalan data berkaitan penerima bantuan disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi yang tidak bersepadu menyebabkan berlakunya *inclusion and exclusion error*<sup>3</sup>. Perkara ini mengakibatkan bantuan dan insentif Kerajaan tidak sampai kepada kumpulan sasar yang sepatutnya.

### 5.3 CADANGAN STRATEGI

Teras strategik berkenaan kesejahteraan sosial ini menggariskan enam cadangan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenal pasti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- I** memperluas sistem perlindungan sosial supaya lebih bersepadu dan komprehensif;
- II** memperkenalkan skim caruman pencen secara automatik kepada pekerja dalam sektor tidak formal;
- III** mengkaji semula metodologi penentuan PGK supaya lebih relevan dengan situasi semasa;
- IV** menggalakkan program kesedaran kewangan berskala nasional yang berterusan termasuk kempen kesedaran pengurusan kewangan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi (IPT);
- V** memperincikan maklumat bagi menentukan kategori isi rumah kumpulan B40 yang lebih spesifik supaya pemberian bantuan lebih bersasar; dan
- VI** mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasar yang sepatutnya.



## TERAS STRATEGIK 6

### **KETERANGKUMAN WILAYAH**

Keterangkuman wilayah merupakan strategi Kerajaan untuk memastikan pembangunan ekonomi tidak berpusat dari segi geografi. Strategi ini melibatkan pengagihan pembangunan kepada semua negeri di Malaysia secara saksama. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan dalam meningkatkan aktiviti ekonomi adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan di kawasan tersebut.

#### **6.1 LATAR BELAKANG**

Malaysia telah membangun dengan pesat, terutama selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan. Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi lebih tertumpu di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Tumpuan ekonomi di beberapa negeri tersebut telah memberi kesan kepada ketidakseimbangan antara negeri, wilayah serta bandar dan luar bandar.

Pola kependudukan yang tertumpu di kawasan bandar telah mengakibatkan jumlah penduduk di kawasan bandar meningkat dengan ketara. Pada masa yang sama, potensi ekonomi di kawasan luar bandar tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Manakala akses kepada infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar masih belum menyeluruh.

Pembangunan di Malaysia perlu dilaksanakan secara lebih terangkum dan teragih. Keterangkuman wilayah merupakan strategi Kerajaan untuk memastikan pembangunan ekonomi tidak tertumpu di kawasan tertentu sahaja. Secara keseluruhannya, teras strategik ini menumpukan usaha kepada pengagihan pembangunan saksama dan inklusif.



## **6.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA**

Migrasi penduduk dalam negara juga menunjukkan pola yang menjurus kepada peningkatan penduduk di kawasan bandar. Migrasi ini memberikan kesan negatif kepada pelbagai elemen sosioekonomi di kawasan bandar dan luar bandar, antaranya adalah penawaran kerja yang terhad di kawasan bandar dan kekurangan tenaga kerja di kawasan luar bandar.

Pertambahan penduduk di kawasan bandar menyebabkan kenaikan harga rumah dan menyumbang kepada masalah kemiskinan bandar. Di samping itu, situasi tersebut juga meningkatkan persaingan untuk mendapatkan kerja serta meningkatkan kos sara hidup. Kesan jangka panjang kepada penduduk bandar yang miskin ialah kesukaran untuk menjamin kelangsungan hidup dan mobiliti sosial yang rendah.

Potensi ekonomi di kawasan luar bandar tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Selain itu, tahap pembangunan sosioekonomi yang perlahan di kawasan luar bandar dan negeri-negeri kurang membangun tidak menggalakkan sektor swasta membuat pelaburan di kawasan berkenaan.

Akses kepada infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar seperti utiliti, infrastruktur digital serta jalan raya masih belum menyeluruh. Di samping itu, akses kepada perkhidmatan asas seperti penjagaan kesihatan, perumahan dan pendidikan masih tidak mencukupi.

## **6.3 CADANGAN STRATEGI**

Teras strategik berkaitan keterangkuman wilayah ini menggariskan sembilan cadangan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenal pasti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- I** mengadakan pemetaan kawasan titik tumpuan ekonomi yang berpotensi untuk dibangunkan bagi memudahkan perancangan pembangunan di kawasan berkenaan seperti ditunjuk dalam Rajah 6.0;
- II** menetapkan indikator pengukuran yang lebih baik dalam peningkatan pendapatan, kemajuan perniagaan dan pembangunan ekonomi secara geografi terutama di kawasan luar bandar;



- III** melaksanakan pelan tindakan pembangunan luar bandar yang lebih holistik dengan mengambil kira pembangunan ekosistem, bakat/sumber manusia, pembiayaan, kemahiran dan keusahawanan, logistik dan perhubungan;
- IV** membangunkan kawasan pinggir dan luar bandar serta tanah yang tidak diusahakan supaya lebih berdaya saing dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan;
- V** membangunkan beberapa model bandar rintis baharu selaras dengan Indeks Kemakmuran Bandar;
- VI** mewujudkan industri baharu di kawasan luar bandar bagi membantu meningkatkan nilai ditambah industri dan menggalakkan kepelbagaian perniagaan selain daripada industri pertanian;
- VII** membangunkan ekosistem ekonomi wilayah termasuk menambah baik program keusahawanan, menggalakkan syarikat rintis dan meningkatkan daya saing industri desa untuk merapatkan jurang ekonomi bandar-luar bandar;
- VIII** meningkatkan akses kemudahan dan infrastruktur asas di kawasan luar bandar seperti hospital, pusat kesihatan, sekolah, jalan, pengkalan, jambatan perhubungan, pasar dan infrastruktur telekomunikasi; dan
- IX** menggiatkan pembangunan perumahan mampu milik yang lebih daya huni.



# CADANGAN TABURAN WILAYAH EKONOMI, KEGA

Rajah menunjukkan cadangan pemfokusan ekonomi berdasarkan negeri untuk penetapan Taburan Wilayah Ekonomi di bawah Teras Strategik Keterangkuman Wilayah.

## PERLIS

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekopelancongan
- Pertanian bernilai tinggi
- Tenaga boleh baharu

## PULAU PINANG

- Hub logistik
- Perindustrian teknologi tinggi
- Pelancongan kesihatan
- Pelancongan dan warisan
- Pusat kecemerlangan teknologi

## PERAK

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Perikanan dan penternakan berteknologi tinggi
- Industri desa
- Hub ekonomi industri kreatif

## SELANGOR

- Pembuatan, automotif dan MRO
- Hub Industri 4.0 dan hi-tech park
- Pelabuhan dan logistik
- Ekonomi digital dan teknologi disruptif
- Pertanian pintar

## WP KUALA LUMPUR

- Pelancongan ASIA (Gerbang ASIA)
- Hub kewangan serantau
- Hub *Islamic Fintech 2.0*

## WP PUTRAJAYA


- Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- Hub diplomatik

## NEGERI SEMBILAN

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- *Malaysia Vision Valley*
- Pertanian pintar dan bernilai tinggi

## MELAKA

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Hub halal
- Bandar pintar



**KEDAH**

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Pertanian dan penternakan moden
- Industri aeroangkasa

**KELANTAN**

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekonomi kebudayaan dan luar bandar
- Pelancongan warisan
- Industri pembuatan desa
- Agropelancongan dan ekopelancongan

**TERENGGANU**

- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Pelancongan pulau dan pesisir
- Ekonomi pesisir dan perikanan
- Hub pendidikan menengah
- Pemprosesan petroleum hiliran

**PAHANG**

- Ekopelancongan
- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Perlombongan moden
- Hub pengangkutan dan logistik
- Pertanian berteknologi tinggi

**JOHOR**


- Gerbang Selat Melaka (Hub logistik dan *transshipment*)
- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Hub pendidikan wilayah selatan
- Hub tanaman makanan
- Aktiviti hiliran berkaitan petroleum

**SABAH**

- Ekopelancongan
- Ekonomi sempadan
- Pemprosesan petroleum hiliran
- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Perikanan dan akuakultur

**SARAWAK**

- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Petroleum dan LNG
- Ekopelancongan
- Pertanian dan penternakan berteknologi tinggi
- Tenaga boleh baharu





## TERAS STRATEGIK 7

### **MODAL SOSIAL**

Modal sosial merupakan usaha Kerajaan untuk mengukuhkan penglibatan rakyat dalam aktiviti kemasyarakatan yang akan meningkatkan tahap kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi masyarakat dan negara. Selain itu, modal sosial merujuk kepada pengembangan peranan anak muda dalam masyarakat. Pembicaraan tentang naratif nasional, naratif baharu Melayu dan penerapan nilai perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama, termasuk dalam usaha membangunkan modal sosial yang kukuh dan utuh di Malaysia.

#### **7.1 LATAR BELAKANG**

Teras Modal Sosial membincangkan mengenai Naratif Nasional dan peranan masyarakat bagi memastikan matlamat Kemakmuran Bersama dicapai dan perpaduan nasional diperkukuhkan. Naratif Nasional berteraskan prinsip Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang mendukung kontrak sosial bagi menyatukan negara. Pelaksanaan modal sosial perlu disegerakan dalam aspek model ekonomi, institusi dan sosial melalui konsep Naratif Nasional WKB.

Cabaran yang telah dikenal pasti dalam teras strategik ini adalah berkait dengan perbezaan pandangan antara rakyat, kekurangan semangat patriotisme dalam kalangan kumpulan belia dan perbezaan polariti pemahaman antara etnik. Kesemua cabaran ini telah mencetuskan isu tekal, iaitu isu sensitif yang berpanjangan, antaranya berkaitan agama, bangsa dan aliran pendidikan yang mengambil masa untuk ditangani. Kaedah dan mekanisme yang bersesuaian perlu diambil dalam usaha menangani isu tersebut bagi mengukuhkan perpaduan.

Menerusi modal sosial ini, Kerajaan akan mengukuhkan penglibatan rakyat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti institusi berasaskan komuniti (CBO), persatuan kejrangan dan kegiatan kesukarelaan yang akan meningkatkan tahap kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi masyarakat dan negara. Pembinaan negara bangsa melibatkan usaha pembangunan dalam semua aspek termasuk penerapan semangat kekitaan dengan meraikan kepelbagaian dan menghormati perbezaan pandangan. Perkara ini adalah penting bagi pembentukan acuan masyarakat yang bersatu padu, progresif dan aktif.

## 7.2 PERMASALAHAN UTAMA DAN ANALISIS KEADAAN SEMASA

Perbezaan pandangan antara rakyat seharusnya tidak menjejaskan jalinan sosial ke arah pembentukan bangsa Malaysia dalam meraikan kepelbagaian etnik dan budaya. Penglibatan golongan belia dalam wacana berkaitan isu negara perlu ditingkatkan melalui penyediaan platform tertentu. Penglibatan ini perlu bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan belia supaya pemikiran anak muda dapat digembleng untuk membangunkan Malaysia menjadi negara maju.

Perbezaan polariti pemikiran antara etnik menyebabkan pelbagai permintaan yang menjurus kepada kepentingan sesetengah pihak sahaja. Rakyat memerlukan sudut pandangan yang lebih objektif dalam membangunkan sosioekonomi negara dengan lebih bersepadu dan menyeluruh.

## 7.3 CADANGAN STRATEGI

Teras strategik berkenaan modal sosial ini menggariskan lima cadangan strategi bagi menyelesaikan permasalahan yang telah dikenal pasti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- I** memperkasakan peranan CBO dalam mengimbangi isu nasional dengan membangunkan platform peringkat nasional seperti *town hall*, majlis konsultasi nasional dan penubuhan Majlis Muafakat Ummah;
- II** memupuk penglibatan anak muda dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan khidmat masyarakat serta pembangunan ekonomi setempat;
- III** meningkatkan persefahaman dan mewujudkan keharmonian yang berkekalan antara masyarakat berbilang kumpulan etnik dan agama di Malaysia;
- IV** memupuk semangat kekitaan dengan meraikan kepelbagaian dan menghormati perbezaan pandangan; dan
- V** dasar pendidikan dan pelbagai inisiatif perpaduan perlu diperkukuh untuk memastikan kesepaduan dan integrasi masyarakat majmuk Malaysia sentiasa utuh.



# BAB 7

## Pemboleh Daya Kemakmuran Bersama

Pengenalan

### **PEMBOLEH DAYA 1**

Kemampuan Fiskal

### **PEMBOLEH DAYA 2**

Modal Kewangan

### **PEMBOLEH DAYA 3**

Keberkesanan Penyampaian Institusi

### **PEMBOLEH DAYA 4**

Tadbir Urus & Integriti

### **PEMBOLEH DAYA 5**

Pendidikan & TVET

### **PEMBOLEH DAYA 6**

Data Raya

### **PEMBOLEH DAYA 7**

Kelestarian

### **PEMBOLEH DAYA 8**

Masyarakat Berpencerahan

# Pemboleh Daya Kemakmuran Bersama




## PENGENALAN

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) mempunyai lapan pemboleh daya yang membantu melancarkan proses pelaksanaan tujuh teras strategik secara khususnya dan usaha mencapai matlamat WKB secara amnya. Kesemua pemboleh daya WKB dibangunkan berlandaskan 15 Prinsip Panduan WKB dengan mengambil kira elemen yang perlu diusahakan untuk memastikan keberhasilan inisiatif dan program di bawah wawasan ini. Lapan pemboleh daya tersebut adalah seperti berikut:



## KEUPAYAAN, SUMBER DAN PEMANGKIN YANG MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN WKB





## PEMBOLEH DAYA 1 **KEMAMAPAN FISKAL**


Kedudukan fiskal yang mampan ditakrifkan sebagai kebolehan untuk mengekalkan kedudukan kewangan Kerajaan pada tahap yang boleh dipercayai tanpa menjejaskan kemampuan untuk menguruskan liabiliti dan komitmen Kerajaan dalam jangka masa panjang. Pengurusan fiskal yang cekap adalah untuk menentukan kedudukan penarafan negara oleh badan antarabangsa dalam meningkatkan keyakinan pelabur dan pasaran.

### **I.I ISU DAN CABARAN**

Ruang fiskal yang terhad terus mengekang pembiayaan sektor awam untuk melaksanakan program dan projek pembangunan. Kutipan hasil Kerajaan masih tidak selari dengan pertumbuhan ekonomi. Struktur hasil negara yang masih bergantung kepada cukai langsung dan asas percukaian kecil juga telah menghadkan kutipan hasil Kerajaan. Pengenalan semula Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) turut memberi impak ke atas kutipan hasil negara. Selain itu, negara masih bergantung kepada hasil berasaskan petroleum dan perdagangan komoditi mentah yang terdedah kepada ketidakstabilan harga komoditi dunia, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.0. Daya tahan fiskal negara akan terus berkurangan sekiranya penstrukturan semula cukai tidak dilaksanakan.




## Struktur Hasil Kerajaan Persekutuan, 2009-2019 (% kepada jumlah hasil)



Defisit fiskal yang semakin besar turut disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan melebihi pertambahan hasil berikutan pengurusan perbelanjaan yang kurang efektif dan berhemat, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.1. Di samping itu, pelaksanaan projek mega yang dibiayai secara *off-budget* serta kelemahan dalam pemantauan dan kelewatan penyediaan projek telah menyebabkan peningkatan kos kepada Kerajaan.




## Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2009-2019



Peningkatan hutang Kerajaan juga telah mengekang perancangan pembangunan negara dan boleh mengurangkan keyakinan pelabur. Pertambahan hutang, liabiliti luar jangka dan komitmen yang dibuat melalui pelaksanaan projek perkongsian awam swasta juga telah meningkatkan paras hutang Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018, paras hutang termasuk jaminan Kerajaan masih tinggi, iaitu berjumlah RM1.1 trilion atau 75.4% kepada KDNK, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.2.



## Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan



### I.2 CADANGAN STRATEGI

Reformasi fiskal adalah perlu bagi meletakkan asas yang lebih kukuh untuk pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif. Walau bagaimanapun, reformasi ini akan diimbangi dengan keperluan untuk mengekalkan pertumbuhan dan memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti untuk kesejahteraan rakyat. Cadangan strategi bagi memastikan kedudukan fiskal yang mampan adalah seperti berikut:

- I** memperkenalkan inisiatif baharu untuk meningkatkan hasil serta menambah baik pematuhan cukai, meningkatkan kecekapan cukai dan memperluas asas cukai;
- II** memperkukuh pengurusan perbelanjaan Kerajaan agar lebih telus, terutama penentuan bagi projek mega perlu berdasarkan perakuan analisis kos faedah;
- III** memperkenalkan mekanisme pengurusan dan pemantauan belanjawan di bawah Parlimen yang berfungsi sebagai penimbang tara belanjawan Kerajaan;
- IV** menetapkan paras ambang untuk perbelanjaan mengurus;
- V** memperkukuh proses perolehan bagi semua bekalan dan perkhidmatan termasuk pelaksanaan tender terbuka; dan
- VI** menambah baik sistem pengurusan hutang sektor awam supaya lebih berintegriti dan bertanggungjawab.



## PEMBOLEH DAYA 2

### MODAL KEWANGAN

Modal kewangan ditakrifkan sebagai dana yang disediakan oleh pihak tertentu sebagai sokongan kewangan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pemboleh daya ini diperkenalkan sebagai usaha untuk merapatkan jurang kekayaan, meningkatkan keupayaan PKS dalam rantaian bekalan dan menggalakkan penglibatan PKS dalam perniagaan melalui sistem pembiayaan mesra PKS.

### 2.1 ISU DAN CABARAN

Kebanyakan institusi pembiayaan tidak cenderung untuk mempertimbangkan permohonan pinjaman daripada PKS dalam kategori perniagaan persendirian. Alasan yang diberi adalah kerana kategori perniagaan persendirian dengan liabiliti tidak terhad memiliki risiko kredit yang tinggi. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016, sebanyak 25.1%<sup>1</sup> daripada permohonan pinjaman oleh PKS ditolak. Laporan Survei Pertubuhan 2015 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), menunjukkan 73%<sup>2</sup> PKS menggunakan sumber pembiayaan persendirian. Antara faktor yang menyekat PKS mendapat pembiayaan adalah sistem dokumentasi yang tidak lengkap dan teratur, terutama pengurusan perakaunan dan kewangan serta perniagaan tidak berdaya maju (24%), latar belakang kredit PKS (18.5%) dan kemampuan pembayaran balik pinjaman yang lemah (1.5%)<sup>3</sup>.

Pada masa ini, PKS juga berdepan dengan pelbagai masalah akibat daripada jurang informasi antara agensi pembiayaan dan pemohon pinjaman. Jurang informasi yang besar berpunca daripada kelemahan jangkauan penyampaian program yang disediakan oleh Kerajaan. Kelemahan jangkauan ini menyebabkan PKS tidak memperoleh maklumat yang tepat berkaitan dana pembiayaan.

PKS juga tertumpu kepada institusi perbankan komersial dan tidak peka kepada skim pembiayaan lain seperti skim pinjaman alternatif yang disediakan termasuk koperasi dan program pembiayaan agensi. Data menunjukkan penggunaan pendanaan alternatif hanyalah berjumlah RM3.3 bilion berbanding jumlah RM25.1 bilion<sup>4</sup> keperluan permohonan dana oleh SME.

1 Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran oleh Bank Negara Malaysia, 2016  
2 Laporan Banci Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016  
3 Survei SME Corporation Malaysia  
4 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia, 2016

Pengurusan operasi PKS juga turut menyumbang kepada kekurangan keberhasilan PKS. Kekurangan keberhasilan ini berlaku apabila standard yang diterapkan dalam amalan pengurusan PKS tidak mencapai piawaian yang terbaik bagi mengatasi isu ini. Satu standard operasi atau pengurusan yang jelas dan terbaik untuk PKS, terutama perniagaan mikro perlu diperkenalkan untuk menjadi tanda aras kepada PKS.

## 2.2 CADANGAN STRATEGI

PKS tidak mampu untuk berkembang mengikut keperluan ekonomi baharu termasuk mengadaptasi amalan perniagaan cemerlang, penggunaan teknologi dan sumber tenaga mahir. Hasrat Kerajaan untuk menghasilkan ekonomi bernilai tinggi tidak akan tercapai jika institusi yang menyediakan modal pembiayaan tidak dapat menangani masalah ini. Cadangan strategi bagi memperkukuh modal kewangan adalah seperti berikut:

- I memperkenalkan sistem alternatif untuk penilaian kredit berdasarkan jejak digital seperti pembelian dalam talian, penggunaan internet dan *social media footprint*;
- II menyemak semula dan menambah baik dasar untuk memastikan keberhasilan pembiayaan modal untuk PKS yang mengambil kira permasalahan dalam aspek pengklasifikasian kelas perniagaan PKS;
- III merasionalisasi institusi pembiayaan dana bagi memenuhi kehendak penyertaan PKS dalam sektor dan aktiviti ekonomi baharu;
- IV memperkukuh program sokongan pengurusan PKS dengan penyediaan perkhidmatan profesional pada kadar fi yang berpatutan melalui penyediaan perkhidmatan perakaunan dengan kaedah perkongsian sumber;
- V menggalakkan firma perakaunan untuk menyediakan latihan perakaunan kepada PKS; dan
- VI menggalakkan peralihan skala perniagaan industri daripada syarikat mikro kepada PKS dan PKS kepada syarikat besar melalui peluasan kriteria dan syarat kelulusan dana yang menyokong pengembangan PKS.





## PEMBOLEH DAYA 3

### **KEBERKESANAN PENYAMPAIAN INSTITUSI**

Komunikasi dan kebolehcapaian dasar adalah salah satu penentu kejayaan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pemboleh daya Keberkesanan Penyampaian Institusi dibangunkan untuk menggalakkan perancangan dan perekruteraan program Kerajaan yang berteraskan keberhasilan. Pemboleh daya ini merupakan salah satu kaedah untuk memastikan keberhasilan WKB. Penambahbaikan penyampaian Kerajaan adalah penting untuk mengurangkan karenah birokrasi dengan mempermudah dan memperkemas sistem dan prosedur kerja serta mengukur pencapaian berasaskan indikator keberhasilan utama (KRI).

#### **3.2 ISU DAN CABARAN**

Kelemahan penyampaian Kerajaan membuka ruang kepada perbezaan persepsi dan pemahaman dalam kalangan rakyat. Perbezaan ini menjurus kepada kehilangan kepercayaan terhadap Kerajaan. Selain itu, semangat patriotisme masih perlu disemai terutama dalam kalangan generasi baharu yang merupakan aset terpenting negara. Kekurangan dan kelemahan koordinasi di antara kementerian dan agensi telah menyebabkan pertindihan fungsi dan peranan, seterusnya meningkatkan kos pentadbiran Kerajaan.

#### **3.3 CADANGAN STRATEGI**

Cadangan strategi pemboleh daya bagi keberkesanan penyampaian institusi adalah seperti berikut:

- I** memperkukuh saluran komunikasi bagi penyampaian maklumat dan dasar kerajaan yang tepat dan terkini;
- II** memupuk dan memantapkan semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara; dan
- III** merasionalisasi fungsi dan peranan kementerian dan agensi Kerajaan.



## PEMBOLEH DAYA 4

### **TADBIR URUS & INTEGRITI**

Tadbir urus yang baik dan berintegriti tinggi seharusnya menjadi nadi utama dalam pentadbiran negara. Pemboleh daya ini akan meningkatkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan yang memegang mandat pentadbiran dan pengurusan negara.

#### **4.1 ISU DAN CABARAN**

Gejala rasuah yang semakin meningkat telah mengakibatkan ketidakpercayaan rakyat kepada Kerajaan yang signifikan. Isu ini berlaku akibat campur tangan pihak yang berkepentingan dalam pelaksanaan pentadbiran negara yang secara tidak langsung memberi kesan kepada kecekapan penyampaian Kerajaan. Kelemahan dalam pengurusan dan pemantauan projek Kerajaan juga telah mengakibatkan berlaku ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan.

#### **4.2 CADANGAN STRATEGI**

Cadangan strategi bagi pemboleh daya tadbir urus dan integriti adalah seperti berikut:

- I** meningkatkan kesedaran dalam aspek integriti dan akauntabiliti bagi membendung gejala rasuah;
- II** memperkukuh sistem tadbir urus serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti agensi Kerajaan;
- III** meningkatkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan; dan
- IV** memperkenalkan dasar untuk mengelakkan campur tangan pihak yang berkepentingan dalam pentadbiran Kerajaan bagi mencegah sabotaj ekonomi.



## PEMBOLEH DAYA 5 **PENDIDIKAN & TVET**

Pemboleh daya pendidikan serta pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dibangunkan untuk meningkatkan jumlah guna tenaga mahir yang memenuhi keperluan industri dan berpendidikan tinggi untuk membentuk sebuah masyarakat yang membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Usaha untuk membangunkan kemampuan rakyat juga perlu diberi penekanan bagi memastikan keberhasilan WKB.

### **5.2 ISU DAN CABARAN**

Isu utama dalam pendidikan adalah keberhasilan pembelajaran pelajar yang masih rendah. Kualiti pendidikan di Malaysia perlu ditambah baik bagi mempertingkatkan pembangunan modal insan Malaysia. Ketersediaan infrastruktur fizikal dan digital serta pembelajaran dalam talian yang tidak menyeluruh juga mengekang keberkesanan pelaksanaan pendidikan dan latihan TVET.

Latihan TVET pada masa ini dilaksanakan secara *in-silo* oleh pelbagai institusi awam, swasta dan pusat pembangunan kemahiran negeri. Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pihak berkepentingan. Selain itu, terdapat dua badan akreditasi, iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang memberi pengiktirafan kepada program TVET dan menyebabkan wujud perbezaan dari segi standard, sistem penarafan dan kualiti program TVET.

### **5.3 CADANGAN STRATEGI**

Cadangan strategi bagi pemboleh daya pendidikan dan TVET adalah seperti berikut:



- I** menambah baik struktur dan sistem pendidikan, terutama dalam aspek penguasaan bahasa dan keberhasilan pembelajaran;
- II** memperkasa infrastruktur fizikal dan digital serta platform dan modul pembelajaran dalam talian;
- III** meningkatkan kualiti dan keupayaan tenaga pengajar bagi memaksimumkan pencapaian keberhasilan pelajar;
- IV** menggalakkan kemasukan pelajar ke aliran TVET; dan
- V** memperkasa infrastruktur dan sistem sokongan pembelajaran bagi golongan berkeperluan khas untuk memastikan sistem pembelajaran yang lebih inklusif.



## PEMBOLEH DAYA 6

### **DATA RAYA**

Data Raya merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada perubahan kaedah membuat keputusan dan transaksi perniagaan. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, pemboleh daya ini dibangunkan sebagai pemacu kepada proses penggubalan dasar berpandukan data dan fakta empirikal serta pengintegrasian dan konsolidasi maklumat. Selain itu, penggunaan data raya dan ketersediaan teknologi mendorong kepada pertumbuhan inovasi, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan memberi nilai ditambah kepada industri. Elemen ini amat penting dalam memastikan pelaksanaan pembangunan ekonomi digital dapat direalisasikan selaras dengan trend semasa global bagi pertumbuhan ekonomi negara.

#### **6.1 ISU DAN CABARAN**

Negara masih menghadapi cabaran dalam proses melaksanakan data raya ekoran daripada perubahan teknologi yang pesat dalam membangunkan infrastruktur digital termasuk pusat data. Keperluan bagi menyediakan fasiliti data raya juga memerlukan pelaburan yang tinggi dan jalinan kerjasama yang erat antara pihak Kerajaan dengan industri. Di samping itu, kepakaran tenaga mahir dalam bidang penganalisan data perlu disediakan bagi menyokong inisiatif ini. Pada masa yang sama, kesedaran dan ketersediaan dalam menggunakan data secara bijak dan efektif amat penting bagi memastikan kerahsiaan data terpelihara, memudah cara penyampaian perkhidmatan dan membantu dalam membuat keputusan yang berkesan.



## 6.2 CADANGAN STRATEGI

Cadangan strategi bagi pemboleh daya data raya adalah seperti berikut:

- I** mengkaji semula perundangan sedia ada dan menggubal dasar untuk penyediaan ekosistem digital yang holistik;
- II** menyediakan model perniagaan baharu dalam membangunkan infrastruktur digital yang mampan termasuk pusat data;
- III** menyediakan modul untuk latihan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula pekerja di institusi latihan dan industri;
- IV** mewujudkan kerjasama antara Kerajaan dan industri dalam perkongsian kepakaran; dan
- V** menggalakkan kerjasama antara Kerajaan, industri dan komuniti bagi melaksanakan program kesedaran dan penggunaan data dengan lebih bijak dan efektif.



## PEMBOLEH DAYA 7 **KELESTARIAN**

Kelestarian mengharmonikan pembangunan sosioekonomi dengan pemeliharaan alam sekitar dan sumber semula jadi bagi memenuhi keperluan generasi sekarang tanpa mengetepikan keperluan generasi akan datang. Pemboleh daya ini merupakan usaha untuk memacu pembangunan negara melalui pertumbuhan hijau yang menekankan pembangunan rendah karbon, cekap sumber, berdaya tahan dan inklusif. Tanggungjawab memelihara kelestarian alam sekitar dan sumber semula jadi bukan terletak sepenuhnya kepada Kerajaan tetapi seluruh lapisan masyarakat selaras dengan aspirasi WKB.

### **7.1 ISU DAN CABARAN**

Pelaksanaan dasar oleh pelbagai kementerian dan agensi kurang memberi penekanan kepada kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber secara cekap. Keadaan ini berpunca daripada kegagalan untuk memberi nilai sebenar kepada alam sekitar berbanding sektor ekonomi dan sosial. Komitmen yang tinggi diperlukan dalam mempertingkatkan amalan tanggungjawab bersama dalam kalangan pihak berkepentingan. Selain itu, Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang disediakan hanya tertumpu kepada projek tertentu dan tidak meliputi impak terhadap ekosistem yang lebih komprehensif dan meluas.

Selaras dengan arus pembangunan yang pesat, negara menghadapi cabaran untuk mengimbangi pertumbuhan penduduk dan peningkatan permintaan sumber. Keadaan ini memberi tekanan kepada persekitaran semula jadi ekoran gaya hidup dan tabiat kepenggunaan yang tidak mampan. Situasi ini menyebabkan lebihan penggunaan sumber dan peningkatan penghasilan sisa dalam ekonomi.

## **7.2 CADANGAN STRATEGI**

Cadangan strategi bagi pemboleh daya kelestarian adalah seperti berikut:

- I** menambah baik akta dan perundangan berkaitan alam sekitar dengan mengambil kira cabaran dan isu semasa dan akan datang;
- II** memperkukuh dan menyelaraskan penguatkuasaan akta dan perundangan berkaitan alam sekitar pada pelbagai peringkat Kerajaan;
- III** menambah baik kaedah pelaksanaan EIA dengan mengambil kira impak kepada ekosistem yang lebih komprehensif dan meluas; dan
- IV** meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan meminimumkan penghasilan sisa melalui konsep ekonomi kitaran pada pelbagai peringkat pengeluaran dan penggunaan.





## PEMBOLEH DAYA 8

### MASYARAKAT BERPENCERAHAN

Masyarakat berpencerahan bermaksud membudayakan pembelajaran sepanjang hayat untuk memupuk pembelajaran secara berterusan melalui wacana intelektual, dialog dan program kesedaran bagi meningkatkan pengetahuan, perkongsian pengalaman dan empati dalam kalangan rakyat Malaysia.

#### 8.1 ISU DAN CABARAN

Empat cabaran telah dikenal pasti dalam menjayakan masyarakat berpencerahan, iaitu:

- I** kekurangan penglibatan awam yang bermakna seperti proses konsultasi sebelum sesuatu dasar atau projek dilaksanakan. Oleh yang demikian, penglibatan masyarakat adalah berkurangan dalam proses pembangunan negara serta proses semak dan imbang;
- II** terdapat segelintir masyarakat yang tidak dapat mentafsirkan identiti nasional dan negara bangsa Malaysia. Isu perkumpulan etnik dan agama boleh menimbulkan konflik sekiranya tidak ditangani;
- III** pemikiran analitikal dalam kalangan rakyat terutama pelajar sekolah masih di tahap yang rendah. Keadaan ini mengehadkan kreativiti rakyat dan merencatkan pembudayaan wacana ilmiah; dan
- IV** integriti tinggi masih belum menjadi budaya dan norma kepada masyarakat. Selain itu, tadbir urus yang lemah dalam pengurusan organisasi masih lagi ketara.

## 8.2 CADANGAN STRATEGI

Antara lima strategi yang telah dikenal pasti bagi menangani isu dan cabaran dalam menjayakan pemboleh daya ini, iaitu:

- I** menggalakkan penerbit, masyarakat sivil dan pengkarya termasuklah agensi media untuk menerbitkan kandungan dan penerbitan yang boleh mendidik masyarakat;
- II** membangunkan dasar berkaitan media kebangsaan untuk mendidik kematangan penggunaan media ke arah pendidikan, intelektual, sivik dan perpaduan;
- III** menggalakkan penglibatan masyarakat secara holistik dalam proses pelaksanaan dasar atau projek;
- IV** mempromosikan kempen membina naratif identiti negara bangsa Malaysia yang diterima oleh masyarakat; dan
- V** memperkukuh modul dan silibus asas yang membina kebolehan pelajar supaya bersifat analitikal, kritikal dan artikulasi dalam cara berfikir bagi membentuk kematangan sosial.





# **BAB 8**

Sasaran dan Ukuran  
Kemakmuran  
Bersama


# Sasaran dan Ukuran Kemakmuran Bersama

## PENGENALAN

Malaysia memilih untuk membangunkan pelan pembangunan negara yang berpaksikan keberhasilan. Penetapan sasaran dan asas pengukuran yang jelas adalah satu aspek yang penting untuk menentukan kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB). Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah meletakkan sasaran pemilikan ekuiti Bumiputera dan pembasmian kemiskinan sebagai penentu keberhasilannya. Selain itu, sepanjang beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah memberi penekanan terhadap pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebagai indikator pencapaian ekonomi negara. Justeru, wujud keperluan yang mustahak untuk WKB menetapkan sasaran dan indikator keberhasilan yang komprehensif dan dapat dirasai secara langsung oleh rakyat.

## SASARAN EKONOMI UTAMA

WKB adalah berpaksikan keberhasilan dan penekanan terhadap pencapaian negara melangkaui nilai ekonomi semata-mata. WKB merangkumi semua aspek pembangunan yang holistik termasuk pembangunan infrastruktur, ekonomi, sistem penyampaian kerajaan, alam sekitar, nilai kemasyarakatan dan pendidikan. Semua sasaran yang diletakkan sebagai indikator keberhasilan WKB adalah dipadankan dengan strategi yang akan dibangunkan. Proses pelaksanaan, pemantauan dan ukuran keberhasilan dasar ini akan dilakukan melalui pewujudan *dashboard* yang lebih terperinci dan dinamik yang akan dipacu oleh 10 sasaran utama dan lebih 40 sasaran keberhasilan lainnya. Bagi tujuan dokumen ini, 10 sasaran awal telah dikenal pasti:



KDNK benar berkembang pada kadar purata sebanyak **4.7%** setahun pada harga malar dan disasarkan mencapai **RM3.4 trilion** pada harga nominal;



Sumbangan PKS dan perniagaan mikro kepada KDNK sebanyak **50%** berbanding sumbangan **38.3%** pada tahun 2018;



Sumbangan enterpris Bumiputera sebanyak **20%** kepada KDNK;



Purata pendapatan wajar (berasaskan perbelanjaan) tidak kurang daripada **RM5,800** sebulan bagi kumpulan isi rumah **B40**;



Gaji penengah bulanan antara kumpulan etnik Bumiputera, Cina dan India disasarkan pada nisbah **1:1:1**. Nisbah gaji penengah bulanan Bumiputera dengan Cina sedia ada adalah **0.88:1** serta nisbah India dengan Cina sedia ada adalah **0.82:1** pada tahun 2016. Nisbah ini menggambarkan jurang gaji antara kumpulan etnik masih wujud dan perlu disetarakan;



Pendapatan penengah bulanan kumpulan etnik Bumiputera, Cina dan India pada nisbah **0.9:1:1**. Pada tahun 2016, masih wujud jurang pendapatan antara Bumiputera dengan Cina pada nisbah **0.74:1** dan India dengan Cina pada nisbah **0.81:1**;



Nisbah aset kewangan per kapita mengikut kumpulan etnik Bumiputera dengan Cina adalah **0.6:1** manakala India dengan Cina adalah **0.8:1** perlu dicapai. Penetapan nisbah ini adalah untuk menangani jurang kekayaan sedia ada antara Bumiputera dengan Cina pada nisbah **0.5:1** serta India dengan Cina pada nisbah **0.7:1**;



Bahagian Pampasan Pekerja (CE) kepada KDNK adalah **48%** iaitu menyamai kadar di negara berpendapatan tinggi pada masa ini. Pada tahun 2018, bahagian CE kepada KDNK adalah sebanyak **35.7%** memberi gambaran bahawa kekayaan negara tidak diagih dengan baik antara pekerja dan pemilik modal;



Menangani jurang pembangunan wilayah yang antara lain mensasarkan nisbah pembangunan wilayah berasaskan KDNK per kapita yang diukur secara perbandingan dengan Wilayah Tengah seperti berikut:



### Nisbah Semasa dan Sasaran Pembangunan Wilayah

WILAYAH	SEMASA	SASARAN
Utara	2.1	1.6
Pantai Timur	2.7	2.0
Tengah	1.0	1.0
Selatan	1.7	1.4
Sabah	2.6	1.5
Sarawak	1.3	1.2

*Nota: Wilayah Tengah hanya mengambil kira WP Kuala Lumpur dan Selangor, manakala Wilayah Selatan pula meliputi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.*

Penetapan 10 sasaran awal ini adalah untuk memperkukuh pemantauan keberhasilan yang akan dijadikan asas kepada inisiatif Kerajaan. Pelaksanaan pemantauan ini akan merancakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Penetapan sasaran ini merupakan anjakan daripada penilaian pemantauan yang berasaskan output kepada pemantauan berasaskan keberhasilan.



Nilai pekali Gini mencapai **0.34**. Penetapan sasaran ini selaras dengan usaha WKB yang memberi penekanan terhadap pengurangan jurang antara kumpulan pendapatan tinggi dan rendah.







# **BAB 9**

Keberhasilan  
Bumiputera

# Keberhasilan Bumiputera

## PENGENALAN

Penekanan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) sebahagian besarnya adalah untuk menangani isu jurang ekonomi yang membelenggu rakyat Malaysia. Berdasarkan fakta ekonomi, Bumiputera berada pada kedudukan tercorot dari segi pemilikan kekayaan dan juga pendapatan serta paling terkesan dengan kewujudan jurang ekonomi. Tambahan pula, 71.3% daripada kumpulan isi rumah B40 nasional adalah terdiri

daripada Bumiputera. Industri yang diceburi oleh Bumiputera juga kebanyakannya mempunyai nilai ditambah yang rendah. Selain itu, negeri yang ketinggalan dari segi pembangunan juga mempunyai jumlah penduduk yang sebahagian besarnya adalah Bumiputera. Penekanan kepada kesaksamaan keberhasilan akan memastikan Bumiputera mencapai kesaksamaan sosioekonomi setara dengan kemajuan etnik lain.

---

## CABARAN PEMBANGUNAN BUMIPUTERA

Agenda pemeraksanaan Bumiputera yang dilaksana sebelum ini tidak memberi kesan yang menyeluruh disebabkan aktiviti sabotaj ekonomi seperti ketirisan dalam perolehan Kerajaan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penjualan lesen kepada pihak tertentu. Perkara ini menyebabkan persepsi yang negatif terhadap agenda pemeraksanaan Bumiputera dan merupakan antara punca jurang ekonomi Bumiputera berbanding kumpulan etnik lain semakin melebar.

Antara cabaran utama keberhasilan Bumiputera adalah seperti berikut:

- 1** penyalahgunaan identiti Bumiputera oleh sebahagian kecil individu dan syarikat untuk mendapatkan keuntungan secara mudah;
- 2** pemilikan hartanah Bumiputera di kawasan bandar masih rendah dan berisiko menjadi etnik yang semakin terpinggir daripada arus perdana pembangunan ekonomi berikutan harga hartanah terlalu tinggi;
- 3** pengambilan Bumiputera untuk bekerja di sektor swasta masih rendah berikutan terdapat amalan diskriminasi dalam pengambilan kerja;



- 4 pergantungan yang tinggi oleh kebanyakan kontraktor Bumiputera kepada perolehan Kerajaan susulan daripada peluang bersaing dalam sektor swasta yang terhad; dan
- 5 pengamalan monopoli dalam rantaian bekalan merupakan antara masalah utama yang membelenggu peniaga dan usahawan Bumiputera untuk menjadi lebih kompetitif.

## HALA TUJU



Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan untuk memastikan peningkatan penyertaan Bumiputera dalam perolehan Kerajaan, khususnya kontrak-kontrak bernilai dan berimpak tinggi. Selain itu, penekanan khusus akan diberikan kepada pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk Bumiputera.

Sektor swasta dan syarikat berkaitan

kerajaan (GLC) perlu memainkan peranan yang penting dan proaktif dalam menjamin keseksamaan keberhasilan Bumiputera sejajar dengan dasar, strategi dan inisiatif yang dibangunkan di bawah WKB. Langkah ini termasuk menambah baik dasar dan amalan dalam pengambilan pekerja dan perolehan sektor swasta supaya tidak wujud sebarang bentuk diskriminasi terhadap Bumiputera.

Isu monopoli dalam rantaian bekalan akan ditangani supaya tidak menjejaskan peluang Bumiputera untuk bersaing secara sihat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Dasar dan strategi pembangunan di kawasan bandar utama juga perlu mengambil kira keupayaan Bumiputera untuk memiliki hartanah di kawasan berkenaan agar tidak terpinggir daripada arus perdana pembangunan negara. Pusat ekonomi luar bandar perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan ekonomi dan menjana pekerjaan baharu.

Selain itu, pembangunan ekonomi perlu memberi tumpuan kepada negeri yang kurang membangun dan mempunyai jumlah penduduk Bumiputera yang tinggi. Negeri tersebut termasuk Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Pembangunan yang lebih rancak di negeri ini secara tidak langsung akan menyediakan lebih banyak peluang ekonomi dan pekerjaan berpendapatan tinggi kepada Bumiputera.

Keberhasilan Bumiputera perlu diberi keutamaan serta diterapkan secara sistematik dalam setiap teras strategik dan pemboleh daya untuk mencapai matlamat WKB. Sehubungan itu, golongan Bumiputera perlu mengambil inisiatif untuk melakukan perubahan minda dan sikap yang drastik dengan menunjukkan iltizam yang kuat bagi meningkatkan produktiviti Bumiputera. Dalam usaha meningkatkan keberhasilan Bumiputera, isu integriti, ketirisan, rasuah dan sabotaj ekonomi perlu ditangani secara holistik dan tegas tanpa gentar dan pilih kasih.

Bagi menentukan pencapaian keberhasilan Bumiputera, pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif WKB akan dipantau dan dinilai secara sistematik dan lebih teliti berdasarkan pencapaian pada setiap tahap secara berkala dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas.







# BAB 10

## Pengurusan Polariti

### **Kumpulan Sasaran**

B40, Miskin & Rentan Ekonomi

Masyarakat dalam Transisi Ekonomi

Masyarakat Orang Asli

Bumiputera Sabah & Sarawak

Orang Kurang Upaya (OKU)

Belia

Wanita

Kanak-kanak

Warga Emas

# Pengurusan Polariti

Selaras dengan konsep kesaksamaan yang mendasari Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB), beberapa kumpulan masyarakat yang tertinggal daripada arus pembangunan negara akan diberikan keutamaan. Usaha untuk mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi mereka akan dilaksanakan agar mereka tidak terus ketinggalan.

Pengurusan polariti adalah model untuk menguruskan isu yang dihadapi oleh kumpulan minoriti dan kumpulan sasar khusus. Namun, pengurusan polariti adalah mustahak dan penting bagi memastikan isu yang timbul dapat dikendalikan dengan baik agar tidak menjejaskan keharmonian negara.

Dalam membentuk model pengurusan polariti di bawah WKB, beberapa kumpulan sasaran utama telah dikenal pasti:





## B40, Miskin & Rentan Ekonomi

Kumpulan utama yang perlu mendapat manfaat daripada pelbagai bentuk bantuan daripada Kerajaan, termasuk program-program untuk meningkatkan pendapatan, adalah kumpulan B40, miskin dan golongan rentan ekonomi.

Selain itu, akses kepada pendidikan yang berkualiti untuk kumpulan ini mesti diberikan keutamaan kerana ia memberikan peluang kepada mereka untuk mengubah status sosioekonomi dan meningkatkan keupayaan sara hidup.

Program bantuan yang bersasar dengan polisi graduasi yang bersesuaian akan dirangka untuk menggalakkan mobiliti sosial kumpulan ini. Pendekatan ini adalah perlu kerana kumpulan yang berbeza mempunyai ciri dan keperluan yang berbeza. Dengan cara ini, matlamat untuk menyediakan taraf kehidupan yang wajar kepada seluruh rakyat akan dapat dicapai, selain mengurangkan kebergantungan mereka kepada bantuan Kerajaan.



## Masyarakat dalam Transisi Ekonomi

Masyarakat dalam transisi ekonomi melibatkan kumpulan yang mudah terjejas dalam konteks transisi ekonomi termasuklah masyarakat yang berhijrah dari estet, kumpulan miskin bandar dan setinggian serta masyarakat desa dalam perubahan urbanisasi dan perindustrian.

Antara isu yang dihadapi oleh kumpulan ini ialah pemilikan rumah, akses kepada kemudahan asas yang baik dan pendidikan yang berkualiti. Isu-isu ini perlu ditangani secara tuntas agar mobiliti sosial kumpulan ini dapat ditingkatkan. Langkah ini termasuk menyediakan peluang-peluang untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi yang menjana pendapatan lebih tinggi.



## Masyarakat Orang Asli

Dasar dan inisiatif Kerajaan mengenai kesejahteraan masyarakat Orang Asli mesti diberikan keutamaan agar kumpulan ini dapat turut sama berkongsi mengecapi nikmat pembangunan ekonomi negara.

Sebahagian besar masyarakat Orang Asli masih dibelenggu masalah kemiskinan akibat ketinggalan dalam aspek pendidikan, kemahiran dan keusahawanan.

Pengurusan polariti yang melibatkan masyarakat Orang Asli mesti ditumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pencapaian pendidikan, penjagaan kesihatan, akses kepada kemudahan jalan raya, infrastruktur dan ameniti yang baik.

Pemberian hak milik tanah kepada Orang Asli juga perlu mengambil kira faktor peluang mereka untuk menyertai arus pembangunan dan hak untuk terus mengamalkan budaya dan warisan tradisi. Oleh yang demikian, isu melibatkan pemberian hak milik tanah Orang Asli perlu diberikan perhatian yang wajar dan satu dasar khas perlu digubal untuk menangani isu ini.



## **Bumiputera Sabah & Sarawak**

Dasar Kerajaan dalam pengurusan polariti perlu mengangkat kelestarian hak anak negeri Sabah dan Sarawak dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Antara isu utama untuk kumpulan sasaran ini adalah Hak Tanah Adat (NCR), khususnya dalam memastikan sebarang proses pembangunan tidak menjejaskan pengiktirafan ke atas NCR.

Selain itu, akses kepada kemudahan jalanraya, infrastruktur asas, kesihatan dan pendidikan yang berkualiti terutama untuk masyarakat pedalaman Sabah dan Sarawak perlu diberikan keutamaan.



## **Orang Kurang Upaya (OKU)**

Kerajaan memberikan komitmen yang tinggi untuk memartabatkan hak Orang Kurang Upaya (OKU) melalui ratifikasi Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dan penggubalan undang-undang domestik di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008. Inisiatif pengurusan polariti harus memberikan tumpuan terhadap akses kepada kemudahan yang memelihara keselamatan OKU terutama di kawasan awam, sejajar dengan prinsip reka bentuk sejagat.

Selain itu, untuk menjamin kelestarian hidup OKU, peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan OKU hendaklah digalakkan menerusi pendekatan inklusiviti dalam komuniti.

Sekolah pendidikan khas untuk meningkatkan kemahiran OKU perlu disediakan mengikut keperluan mereka. Dalam konteks ini, pendidikan dan latihan kemahiran yang berfokuskan kemandirian OKU hendaklah diperluaskan untuk meningkatkan keupayaan sara diri mereka.



## Belia

Belia merupakan satu kumpulan sasaran yang penting dalam pengurusan polariti kerana golongan ini mempunyai peranan utama sebagai penentu masa hadapan negara.

Isu utama yang perlu diberikan tumpuan ialah penciptaan peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi yang setanding dengan kelayakan, kemahiran dan bakat yang mereka miliki.

Tahap gaji yang rendah menyukarkan golongan belia untuk mencapai kestabilan kewangan dalam kehidupan. Faktor ini menyebabkan golongan belia masih tidak mampu untuk memiliki rumah walaupun Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk memastikan belia mampu memiliki rumah.

Belia sebagai harapan masa hadapan harus dipersiapkan dengan ilmu dan kemahiran dan disemarakkan lagi penglibatan dalam bidang keusahawan. Langkah memperkasa golongan belia akan diperkukuh untuk menangani cabaran sosioekonomi yang dihadapi oleh mereka melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan, terutama melalui aktiviti keusahawanan dan penyediaan dana.



## Wanita

Dalam pengurusan polariti melibatkan wanita sebagai kumpulan sasaran, Kerajaan telah menggubal dasar *gender-mainstreaming* sebagai salah satu keutamaan bagi memastikan pelaksanaan dasar yang efektif bagi manfaat wanita.

Dasar Kerajaan yang dibentuk berasaskan sensitiviti *gender* akan meningkatkan penyertaan dan kepimpinan wanita dalam sektor awam dan swasta, khususnya di peringkat pengurusan tertinggi. Penyertaan wanita dalam pembangunan negara akan mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga kerja sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk memastikan hak wanita terpelihara, Kerajaan perlu memandang serius kes keganasan rumah tangga dengan melihat keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan. Selain itu, program penjagaan kanak-kanak haruslah diperkemaskan lagi untuk memastikan penglibatan wanita dalam pasaran buruh berterusan dan tidak terjejas dengan isu penjagaan anak bagi wanita yang berkeluarga.

Penekanan terhadap pemerksaan golongan suri rumah termasuk ibu tunggal sebagai tonggak institusi keluarga dan juga pembentuk acuan generasi masa hadapan yang holistik perlu diterapkan dalam pembangunan dasar, strategi dan inisiatif Kerajaan.



## Kanak-Kanak

Pengurusan polariti harus menekankan dasar khusus bagi kanak-kanak dalam melindungi hak dan keselamatan mereka di atas faktor kerentanan kanak-kanak dalam menghadapi sebarang cabaran sosioekonomi. Kajian menunjukkan sebarang cabaran yang dihadapi memberikan kesan jangka panjang terhadap kanak-kanak, termasuk tumbesaran mental mereka.

Hasil kajian yang dijalankan oleh UNICEF menunjukkan ramai kanak-kanak yang tinggal di pangsapuri kos rendah di kawasan bandar mempunyai tahap nutrisi yang rendah. Program khusus tabiat pemakanan kanak-kanak adalah penting bagi memastikan dasar kesihatan negara mampu menangani masalah kesihatan golongan ini dengan lebih efektif.


Pelaksanaan dasar Kerajaan harus diperkemaskan lagi bagi memastikan isu dokumen dan sijil kelahiran dapat diselesaikan bagi membolehkan kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan.

9

## Warga Emas

Pengurusan polariti warga emas perlu memberikan ruang untuk memastikan kesejahteraan hidup warga emas dititikberatkan sebagai salah satu kumpulan sasaran. Jangka hayat rakyat Malaysia semakin meningkat dan Malaysia dijangka akan menjadi negara dengan populasi berumur (*ageing population*) pada tahun 2030.

Isu ketercapaian kemudahan untuk penggunaan kemudahan bagi warga emas lebih menjurus kepada penjagaan kesihatan dan penjagaan sosial. Pemantauan yang lebih rapi terhadap rumah jagaan dan pusat komuniti warga emas perlu dilaksanakan supaya kebajikan mereka terjamin. Kerajaan perlu menggubal dasar khusus untuk memastikan warga emas mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung kehidupan di hari tua.





**KESIMPULAN**



# Kesimpulan

Malaysia memerlukan perubahan dalam kerangka dan hala tuju ekonomi untuk membolehkan negara mencapai potensi ekonomi yang mampan yang dapat dikongsi secara lebih adil dan saksama oleh semua rakyat. Usaha ini hanya boleh dicapai melalui perubahan dan penyesuaian ekosistem ekonomi yang lebih menepati kehendak pasaran dan ekonomi masa hadapan yang mampan. Pencapaian potensi ekonomi yang baharu harus mampu diagihkan dengan lebih saksama dan adil untuk mengurangkan jurang pendapatan dan kekayaan antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Usaha ini merangkumi penggubalan dasar dan pelaksanaan program pengupayaan serta pemudahcaraan yang berkesan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pasaran dan ekosistem perniagaan.

Pengagihan ekonomi yang adil juga perlu menjamin hak dan keperluan golongan berpendapatan rendah, rentan ekonomi dan terpinggir dengan memberi fokus kepada peningkatan keupayaan kumpulan pendapatan terendah bagi meningkatkan kesejahteraan hidup. Di samping itu, Malaysia harus memperkukuh tadbir urus dan integriti, meningkatkan kefahaman naratif dan sejarah negara, mengukuhkan modal sosial dan mempertingkatkan kesedaran serta kematangan ke arah mengeratkan perpaduan rakyat. Semua elemen penting ini akan dibangunkan menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) dengan hasrat merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan; menyediakan taraf hidup yang wajar kepada rakyat; membentuk Malaysia yang aman, harmoni dan bersatu padu serta melonjakkan kedudukan Malaysia sebagai paksi ekonomi penting di rantau Asia.



Jurufoto: Izzudin  
Helmi Adnan



# LAMPIRAN

Glosari Singkatan  
Metodologi

Struktur

Jawatankuasa

Pasukan Pengurusan  
Projek

Pasukan Petugas  
Projek



# Lampiran

## GLOSARI SINGKATAN

AI	artificial intelligence
AR	augmented reality
ASB	Amanah Saham Bumiputera
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BNM	Bank Negara Malaysia
CBO	institusi berasaskan komuniti
CE	pampasan pekerja
CEDAR	Centre for Entrepreneur Development and Research
COE	pusat kecemerlangan
CPI	Indeks Persepsi Rasuah
CPTPP	Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik
CRM	Customer Relation Management
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DIA	pelaburan langsung ke luar negara
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
EIA	Penilaian Impak Alam Sekitar
ERP	Enterprise Resource Planning
FDI	pelaburan langsung asing
FIC	Jawatankuasa Pelaburan Asing
GCB	Barometer Rasuah Global
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional
GLC	syarikat berkaitan kerajaan
GST	cukai barang dan perkhidmatan
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
ISID	Inclusive and Sustainable Industrial Development



JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
KEGA	aktiviti pertumbuhan ekonomi utama
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KRI	indikator keberhasilan utama
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LFS	Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia
MASA	Institut Masa Depan Malaysia
MDEC	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd.
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIGHT	Malaysian Industry-Government Group for High Technology
MNC	syarikat multinasional
MPI	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MSC	Multimedia Super Corridor
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
NAPIC	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara
NCR	Hak Tanah Adat
NGO	pertubuhan bukan kerajaan
OECD	Organization for Economic Co-operation and Development
OKU	orang kurang upaya
P2P	Peer to Peer
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PERODUA	Perusahaan Otomobil Nasional Kedua
PGK	pendapatan garis kemiskinan
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PLML	Pengangkutan Logistik dan Mobiliti Lestari

PLWS	Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti
PNK	pendapatan negara kasar
PPV	Program Pembangunan Vendor
PROTON	Perusahaan Otomobil Nasional
PSDC	Penang Skills Development Centre
R&D	penyelidikan dan pembangunan
R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi
SIA	Penilaian Impak Sosial
SOE	syarikat milik kerajaan
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SST	cukai jualan dan cukai perkhidmatan
TBB	Tenaga Boleh Baharu
TI	Transparency International



## METODOLOGI

Pembentukan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 merupakan usaha yang komprehensif dan konsultatif, melibatkan rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Proses pembentukan wawasan ini boleh dibahagikan kepada dua fasa utama. Fasa pertama memberi fokus kepada penilaian keadaan sosioekonomi di Malaysia dan pengenalpastian isu berkeutamaan untuk penambahbaikan. Fasa ini dilaksanakan dengan menganalisis data domestik dan antarabangsa, serta sesi konsultasi yang diadakan bersama pakar industri, ahli akademik, badan bukan kerajaan dan pemegang taruh dalam sektor awam dan swasta.

Fasa kedua pula melibatkan pembentukan kerangka pembangunan sosioekonomi yang komprehensif bagi tahun 2021 sehingga 2030, dengan penekanan terhadap konsep penggubalan dasar berasaskan keberhasilan. Kajian rapi terhadap pelbagai kes studi, model pembangunan dan trend mega menjadi asas kepada pelaksanaan fasa kedua.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 seperti yang diperincikan melalui dokumen ini terbentuk hasil daripada pelaksanaan kedua-dua fasa ini. Fasa seterusnya bagi pelaksanaan dan penambahbaikan wawasan ini akan dipacu oleh maklum balas daripada rakyat dan perbincangan bersama pemegang taruh yang relevan.

## STRUKTUR JAWATANKUASA WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB)

Jawatankuasa Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) telah bermula sejak Julai 2019 dengan penubuhan Pasukan Pengurusan Projek yang diketuai oleh Institut Masa Depan Malaysia (Institut MASA) dan Pasukan Petugas Projek mewakili Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang bertanggungjawab untuk pembangunan dan penyediaan dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama.

## PASUKAN PEMBANGUNAN WKB

Ahli pasukan petugas yang terlibat adalah:

**YB Tan Sri Muhyiddin Yassin,**

*Pengerusi Jawatankuasa Wawasan Kemakmuran Bersama  
merangkap Pengerusi Institut Masa Depan Malaysia*

**Encik Mohd Nizam Mahshar**

*Pengarah Projek Pembangunan Wawasan Kemakmuran Bersama*

---

**EDITOR**

YB Dr. Radzi Jidin  
YBhg. Datuk Dr. Marzuki Mohamad  
Encik Mohd Nizam Mahshar

---

**PANEL PENELITI DAN PEMERIKSA**

YBhg. Tan Sri Ahmad Zaki Ansore Mohd Yusof  
YBhg. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop  
YBrs. Dr. Gairuzazmi Mat Ghani  
YBrs. Dr. Ahmad Faiza Mohammad  
YBrs. Dr. Yunus Yassin  
Encik Zamani Zakariah  
Encik Amir Farid Abdul Majid  
Encik Yin Shao Loong

---

**PENYELIDIK**

Encik Erhanfadli Azrai  
Encik Azlan Awang  
YBrs. Dr. Rohana Kamaruddin  
Encik Zouhair Mohd Rosli  
Puan Siti Saudah Nori  
Encik Amirul Hamza Abdullah  
Encik Ijlal Hannan Hafeedz  
Cik Fatimah Iliani Jamhari  
Encik Mustaqim Yusof  
Puan Noorazilah Ishak

---

**PENGURUS PROJEK**

YM Tunku Azela Tunku Aziz

---

**PENULIS**

Encik Mohd Nizam Mahshar  
Encik Ijlal Hannan Hafeedz

---

**KUMPULAN PAKAR, FELO DAN ASSOCIATE MASA**

YBrs. Dr. Wan Wardatul Amani Wan Salim  
YBrs. Dr. Muhammad Ikmal Mohd Said  
YBrs. Dr. Haniff Ahamat  
Encik Adlan Abd Razak  
Encik Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal  
YBhg. Datuk Massuan bin Ahamad  
YBhg. Datuk Wan Mohd AlBakri Wan Md Noor  
Encik Sharizal Shaarani  
Encik Sayed Munawar Sayed Mustar  
YBhg. Datuk Dr. Awang Sariyan  
YBhg. Profesor Dr. Mansor Mohd. Noor  
YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Murad Bin Mohd Noor Merican  
Encik Fardan Abdul Majeed  
Encik Khalid Karim  
Encik Aznul Abdullah  
Encik Razif Ghazali  
Encik Syamil Hamid  
Encik Ahmad Yazid Othman  
Encik Nurfitri Amir Bin Muhammad  
YM Raja Nazarudin Raja Nasron  
Encik Shahruil Anuar Mahmod  
Encik Mustaqim Yusof  
Encik Danial Syahiran Ho Imran Ho

dan juga penghargaan kepada semua yang secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada penyediaan idea, konsep dan dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama.

## PASUKAN PENGURUSAN DOKUMENTASI WKB

Pasukan Petugas Projek bertanggungjawab untuk menyediakan konsistensi dokumen akhir bagi Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai halatuju baharu negara bagi 2021-2030.

Ahli pasukan petugas yang terlibat adalah:

---

### JAWATANKUASA INDUK

YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien  
-Ketua Setiausaha

YBrs. Puan Zakiah Jaafar  
-Timbalan Ketua Setiausaha (Makro)

YBhg. Dato' Dr. Noor Zari bin Hamat  
-Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Encik Azhar bin Noraini  
-Menanggung Tugas Timbalan Ketua Setiausaha  
(Sektoral)

Encik Boniface Anak Edwin Manung  
-Setiausaha Bahagian Kanan Pengurusan

Bahagian Pembangunan Ekuiti  
Institut Masa Depan Malaysia

---

### JAWATANKUASA KONSISTENSI DAN EDITORIAL (BAHASA MELAYU)

YBhg. Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa

Encik Mohd. Zulkifli bin Harun

Puan Noraini binti Ahmad

Puan Raudatil Jannah binti Abdul Wahab Zen

Puan Zaeidah binti Mohamed Esa

Encik Luqman bin Ahmad

Sr. Awatif binti Abdul Ghaffar

Puan Norzie Fariza binti Suid

Puan Muazlinda binti Mutalib

Puan Maisarah binti Saman

Puan Nur Shahidah binti Chia Abdullah

Puan Avelia binti Othman

Cik Asmawati binti Ali

Puan Zaity Zalina binti Razali

---

### JAWATANKUASA KONSISTENSI DAN EDITORIAL (BAHASA INGGERIS)

YBrs. Dr. Mohd Shaharin bin Umar

YBrs. Dr. Faiz bin Abdullah

YM Engku Zakir Hussein bin Syed Abdullah

Puan Hidayah binti Misran

Encik Abu Zeid Mohd Arif

Encik Mohd Fauzi bin Mustafa

Encik Sabar bin Md Hashim

Puan Alim anak Jihen

Encik Jeffery bin Yahya

Encik Aszmy Mahmood Yusof bin Mohamed

Encik Hirman Miraj bin Mohd Noor

Puan Azura Azreen Yusof

Puan Normaya binti Nordin

Puan Amirthavalli a/p A.V. Muthiah

Encik Taufik bin Ahmad

Encik Muhammad Fareez bin Jamali

Encik Muhamad Radzillah bin Abdullah

---

### JAWATANKUASA PERCETAKAN

YBhg. Dato' V Valluvan Veloo

Encik Azlan Bin Abdul Rashid

Encik Roslan bin Ibrahim

Puan Prema Nair Suppariam

YBrs. Dr. Ting Kok Onn

Cik Tan Wie Nie

Puan Amutham Subramaniam

Encik Radin Shah Izuan bin Radin Mohd Hambali

Puan Nurul Atiqah Muhammad Yusoff

Puan Salina Samsudin

Puan Ayu Shahiza Shahidan

Encik Noorhidayat Salman

Encik Md Noor bin Md Isa



